

12. Setakat pengetahuan saya: -

a) Saya bukan saudara mara¹ terdekat kepada: -

- i. Pengarah² ii. Pemegang Saham Utama³ iii. Pegawai Eksekutif⁴ iv. Pegawai Kredit⁵
kepada AmBank Islamic Berhad atau mana-mana anak syarikat atau entiti-entiti yang dikuasainya.

b) Tiada satu daripada senarai a) di atas mahupun saudara mara terdekat mereka menjadi penjamin untuk sebarang kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh pihak AmBank Islamic Berhad kepada saya.

Nota:

1. Saudara mara terdekat bermaksud ahli keluarga yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh individu berkenaan begitu juga semua tanggungan individu berkenaan. Ini termasuklah pasangan atau semua tanggungan pasangan, anak (termasuk anak tiri dan anak angkat) dan pasangan kepada anak, ibubapa dan adik-beradik serta pasangan mereka.
2. Pengarah bermaksud pengarah kepada bank, sama ada sebagai pengarah eksekutif atau sebaliknya dan sama ada menerima sebarang ganjaran atau tidak, serta saudara mara terdekat. Ini termasuklah pengarah gantian yang diizinkan oleh pihak AmBank Islamic Berhad.
3. Seseorang itu adalah pemegang saham utama jika beliau menguasai lebih 50% daripada hak mengundi, memegang lebih 50% daripada modal saham diterbitkan sama ada secara langsung atau tidak langsung (tidak termasuk saham keutamaan), menguasai komposisi ahli lembaga pengarah, mempunyai kuasa untuk melantik dan/atau memecat semua atau majoriti ahli lembaga pengarah, menguasai pemegang saham utama bank, atau seorang yang menurut arahan atau perintahnya, seorang pengarah bank atau syarikat-syarikat induk yang sah, adalah biasa untuk bertindak.
4. Pegawai eksekutif bermaksud seseorang yang menjadi ahli pihak pengurusan yang mempunyai bidang kuasa atau tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan/atau mengawal aktiviti bank (selain daripada dalam kapasiti sebagai seorang pengarah), sama ada bukan pegawai yang mempunyai jawatan rasmi, atau layak menerima gaji atau lain-lain ganjaran. Contoh pegawai berkenaan termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi atau ahli jawatankuasa penggubal polisi dan perniagaan.
5. Pegawai kredit bermaksud seseorang yang bertanggungjawab atau mempunyai bidang kuasa untuk menilai dan/atau meluluskan transaksi kredit atau menyemak kedudukan transaksi kredit sedia ada, sama ada sebagai ahli kepada jawatankuasa (seperti: Jawatankuasa Pelaburan Kredit) atau secara individu, dan saudara terdekatnya.

Jika pelanggan berikrar sebaliknya, jadual di bawah perlu diisi: -

No.	Nama Kakitangan/Penjamin	No. Kad Pengenalan	Hubungan

(sila gunakan helaian tambahan, jika tidak mencukupi)

13. Segala urusan pemotongan gaji bagi pembiayaan ini akan diuruskan oleh MCCM Resources Sdn. Bhd.

14. Saya bersetuju untuk memberi kebenaran tanpa batal kepada AmBank Islamic Berhad untuk mendedahkan segala maklumat peribadi saya kepada pihak MCCM bagi urusan pemotongan gaji.

15. Terma dan syarat muktamad akan dinyatakan di dalam Perjanjian Am.

16. Saya telah menerima Lembaran Penyataan Produk bagi pembiayaan ini, dan telah membaca dan memahami kandungan tersebut.

17. Saya telah membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank yang boleh didapati di laman sesawang Kumpulan AmBank dan cawangannya.

18. Bank akan mengeluarkan pemberitahuan mengenai Kelulusan Pembiayaan melalui Sistem Pesanan Ringkas ("SMS") kepada Pelanggan mengenai jumlah Kemudahan yang telah diluluskan (sama ada jumlah yang diminta atau jumlah yang lebih rendah daripadanya), termasuk Harga Jualan Bank, tempoh masa dan ansuran bulanan sebelum pelaksanaan Kontrak Jualan Murabahah. Saya bersetuju dan menerima bahawa pihak Bank atas budi bicaranya, berhak meluluskan amaun dan/atau tempoh pembiayaan yang lebih rendah daripada yang dipohon dan yang sedemikian tidak akan menjejaskan terma dan syarat Pembiayaan.

8 ARAHAN MEMBUAT BAYARAN

Saya dengan ini membenarkan AmBank Islamic Berhad membuat bayaran penyelesaian kepada pihak yang berikut selaras dengan Perjanjian Am:

No.	Institusi Kewangan/Koperasi	Benefisiari	No. Akaun Pembiayaan/Kad Kredit	Jumlah Bayaran (RM)

(sila gunakan helaian tambahan, jika tidak mencukupi)

Bersama-sama ini saya lampirkan penyata atau surat baki penyelesaian pembiayaan. Sekiranya tiada lampiran dilampirkan, saya bertanggungjawab untuk memastikan amaun penyelesaian di atas adalah mencukupi. Saya juga mengakui bahawa amaun penyelesaian di atas juga tertakluk kepada perubahan jika amaun penyelesaian yang diberikan adalah berbeza daripada rekod AmBank Islamic Berhad. Saya bersetuju bahawa saya juga bertanggungjawab membuat pengesahan susulan dengan institusi kewangan/koperasi berkenaan arahan di atas selepas pembayaran dibuat oleh AmBank Islamic Berhad. Saya mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan dalam Arahan Membuat Bayaran ini adalah tepat dan muktamad dan pihak AmBank Islamic Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kejadian yang diakibatkan oleh kecuaihan dan/atau kegagalan saya untuk memberi maklumat yang tepat dan muktamad.

9 KEBENARAN POTONGAN AMAUN FASILITI

1. Saya dengan ini memberi kebenaran kepada AmBank Islamic Berhad untuk melakukan pemotongan daripada Amaun Fasiliti yang diluluskan (yang bersamaan dengan hasil jualan komoditi kepada pembeli pihak ketiga) sebelum amaun tersebut dikreditkan ke dalam akaun saya berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

Potongan Daripada Amaun Fasiliti (RM) Adalah Untuk Bayaran-Bayaran Berikut:

- a. Duti Setem (seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)) : 0.5% daripada Amaun Fasiliti yang diluluskan ke atas Dokumen Prinsipal dan RM10 untuk lain-lain surat cara
- b. Sumbangan Takaful (sekiranya ada)
- c. 12 Bayaran Pendahuluan Bulanan (12MAP) Kombo Pembiayaan Peribadi-i dan Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin Oleh Sijil ASB (sekiranya ada)

2. Tertakluk kepada kelulusan AmBank Islamic Berhad untuk Fasiliti yang dipohon, saya dengan ini membenarkan AmBank Islamic mengkreditkan Amaun Fasiliti (RM) yang diluluskan (setelah ditolak Jumlah Potongan di atas) ke dalam akaun seperti yang dinyatakan di bawah: -

Nama Bank : _____ No. Akaun Simpanan/Semasa : _____

*Nota: Salinan buku akaun bank disertakan di sini sebagai rujukan AmBank Islamic Berhad.

3. Saya juga memberi kebenaran kepada AmBank Islamic Berhad untuk menyediakan penyata maklumat yang berkaitan dengan potongan gaji bulanan saya melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) sepertimana yang dikehendaki di bawah terma dan syarat Fasiliti.



10 KEBENARAN OLEH PELANGGAN

1. AmBank Islamic mungkin, dari semasa ke semasa, menawarkan produk, promosi dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Katakan "YA" untuk tawaran dan promosi hebat daripada AmBank Islamic.

Ya, saya ingin menerima bahan pemasaran daripada AmBank Islamic Tidak, buat masa ini

Saya, dengan ini membenarkan AmBank Islamic untuk memproses data peribadi saya bagi kegunaan seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi yang boleh didapati di laman sesawang Kumpulan AmBank dan cawangan-cawangan. Saya juga mengesahkan bahawa pengakuan ini mengatasi sebarang pengakuan terdahulu yang dibuat oleh saya.

Sekiranya anda mengubah fikiran selepas ini dan tidak lagi ingin menerima bahan pemasaran daripada AmBank Islamic, anda hanya perlu memaklumkan kepada kami dengan menghubungi kami melalui 03-2178 8888 atau e-mel customercare@ambankgroup.com

2. Takaful Pembiayaan Peribadi Tempoh Menyusut:

- Saya ingin mengambil perlindungan Takaful dari AmMeiLife Takaful Berhad (diuruskan oleh AmBank Islamic Berhad).
- Saya ingin mengambil perlindungan Takaful dari lain-lain Syarikat Takaful (diuruskan sendiri oleh saya dan sijil perlindungan Takaful ini mengesahkan bahawa AmBank Islamic Berhad adalah penerima manfaat sijil perlindungan Takaful tersebut).
- Saya tidak mahu mengambil sebarang perlindungan Takaful.

11 PENGISYTIHARAN DAN TANDATANGAN OLEH PASANGAN PELANGGAN (terpakai untuk Program Pendapatan Isi Rumah sahaja)

1. Segala maklumat yang diberi dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan saya tidak menyembunyikan sebarang fakta penting yang berkaitan.

2. Saya bersetuju memberi kebenaran tanpa batal kepada pihak AmBank Islamic Berhad untuk melakukan sebarang semakan/pengehasan maklumat yang telah saya beri dengan majikan saya.

3. Saya dengan ini memberi persetujuan saya kepada Bank untuk berkongsi mana-mana maklumat saya dengan mana-mana pihak ketiga termasuk bank lain dan agensi pelapor kredit di Malaysia yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelapor Kredit 2010, Biro Penipuan dan/atau lain-lain pangkalan data perkongsian maklumat untuk tujuan mengesan dan/atau menyiasat dan/atau mencegah penipuan dan/atau saya tidak akan meletakkan tanggungjawab ke atas Bank dan/atau pihak ketiga terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh perkongsian dan/atau saya tersebut kecuali pemprosesan maklumat apabila punca kerugian atau kerosakan tersebut datang daripada kecuaiannya melampau, penipuan atau salah laku yang disengajakan Pihak Bank.

4. AmBank Islamic mungkin, dari semasa ke semasa, menawarkan produk, promosi dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Katakan "YA" untuk tawaran dan promosi hebat daripada AmBank Islamic.

Ya, saya ingin menerima bahan pemasaran daripada AmBank Islamic Tidak, buat masa ini

Saya, dengan ini membenarkan AmBank Islamic untuk memproses data peribadi saya bagi kegunaan seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi yang boleh didapati di laman sesawang Kumpulan AmBank dan cawangan-cawangan. Saya juga mengesahkan bahawa pengakuan ini mengatasi sebarang pengakuan terdahulu yang dibuat oleh saya.

Sekiranya anda mengubah fikiran selepas ini dan tidak lagi ingin menerima bahan pemasaran daripada AmBank Islamic, anda hanya perlu memaklumkan kepada kami dengan menghubungi kami melalui 03-2178 8888 atau e-mel customercare@ambankgroup.com

Y _____
TANDATANGAN PASANGAN PELANGGAN

Nama : _____
Tarikh : --

12 TANDATANGAN PELANGGAN

X _____
TANDATANGAN PELANGGAN

Nama : _____
Tarikh : --

PERINGATAN:

- Pelanggan dan pasangan diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat terkandung dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i sebelum menandatangani Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i ini. Sekiranya Pelanggan tidak memahami mana-mana terma-terma dan syarat-syarat terkandung dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i ini, Pelanggan dinasihati untuk mendapatkan nasihat peguam atau berbincang dengan wakil Bank yang diberi kuasa sebelum menandatangani Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i ini.
- Adalah menjadi satu kesalahan untuk menyerahkan dokumen palsu, maklumat yang tidak betul serta mengelirukan dalam permohonan pembiayaan.

NOTA: X - Tandatangan Pelanggan Y - Tandatangan Pasangan Pelanggan

13 UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

- Pengesahan bahawa segala maklumat yang diperolehi daripada pelanggan adalah benar tanpa menyembunyikan sebarang fakta penting.
- Pengesahan juga telah dibuat menerusi sesi temubual dengan pelanggan.

TANDATANGAN PEGAWAI PEMASARAN
Nama : _____
Tarikh : --

Cop Pegawai Pemasaran (termasuk Kod Agen Takaful)

Daripada :
 Kepada : AMBANK ISLAMIC BERHAD (No. Syarikat: 295576-U) ("Bank")
 Tarikh :

Tuan/Puan,

Pelantikan AmBank Islamic Berhad Sebagai Wakil Belian dan Jualan Sehubungan dengan Pembiayaan Peribadi-i ("Fasiliti")

Saya, merujuk kepada perkara di atas dan juga kepada Perjanjian Am bagi Fasiliti ini ("Perjanjian Am"). Setelah permohonan saya diluluskan oleh pihak Bank, Perjanjian Am hendaklah menjadi perjanjian induk kepada Fasiliti ini.

Segala terma yang dinyatakan di dalam Perjanjian Am hendaklah mempunyai maksud yang sama bagi tujuan Pelantikan Wakil ini, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan terma-terma berkaitan dengan wakalah di dalam Perjanjian Am hendaklah dianggap telah dimasukkan juga di sini.

1. WAKALAH

Saya dengan ini secara mutlak dan muktamadnya melantik pihak Bank sebagai ejen saya untuk:

(a) **Kontrak Jualan Murabahah:** Melengkapkan dan melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah untuk pembelian Komoditi daripada Bank (dalam kapasiti sebagai penjual) bagi pihak saya pada Harga Jualan Bank secara ansuran menurut terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditetapkan di dalam Kontrak Jualan Murabahah dan selepas penyempurnaan Kontrak Jualan Murabahah, untuk menguruskan Komoditi dengan cara yang berikut:

- i. *() disimpan di dalam gudang dan saya akan menanggung kesemua kos dan perbelanjaannya dan saya memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menolak kesemua kos dan perbelanjaan.
- ii. *() untuk dihantar ke <silanya nyatakan alamat> dan saya akan menanggung kesemua kos dan perbelanjaannya dan saya memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menolak kesemua kos dan perbelanjaan tersebut.
- iii. *() untuk dijual kepada pembeli pihak ketiga pada harga yang sekurang-kurangnya bersamaan dengan harga kos Komoditi secara tunai dan segera.

*Tandakan (√) pada yang berkenaan. Sila pilih (iii) jika anda berhasrat untuk memperoleh hasil daripada Fasiliti tersebut.

(b) **Agensi Jualan:** Selepas Kontrak Jualan Murabahah disempurnakan dan jika saya memilih agar Komoditi dijual kepada pembeli pihak ketiga yang dianggap sesuai ("Pembeli Komoditi"), pihak Bank boleh menjual Komoditi tersebut kepada Pembeli Komoditi pada harga yang bersamaan dengan Amaun Fasiliti dan menyerahkan atau membuat penyerahan Komoditi itu kepada Pembeli Komoditi, serta untuk memperolehi hasil daripada jualan Komoditi dan kemudiannya, menyerahkan hasil jualan Komoditi tersebut menurut arahan saya di dalam Pelantikan Wakil ini.

(c) **Pentadbiran:** Bagi menyempurnakan dan melaksanakan wakalah yang terkandung di sini, Bank dengan ini diberi kuasa:

- i. untuk menandatangani dan menyempurnakan kesemua dokumen dan membuat, mematuhi serta melaksanakan segala kewajipan yang perlu dilakukan berkaitan dengan tugasnya sebagai wakil atau yang dikenakan kepadanya di bawah mana-mana perjanjian penjualan Komoditi bagi tujuan transaksi Murabahah Tawarruq;
- ii. mewakilkan hak-hak dan tugas-tugasnya sebagai wakil di sini kepada mana-mana pihak ketiga yang Bank anggap perlu mengikut budi-bicara untuk melakukan kesemua tindakan yang diperlukan bagi menyempurnakan dan melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq termasuk semua tugas pentadbiran berkenaan pembelian Komoditi daripada pihak Bank dengan syarat mendapat persetujuan daripada saya terlebih dahulu; dan
- iii. melakukan segala perkara dengan lengkap dan efektif, seolah-olah saya melakukan segala perkara tersebut secara peribadi termasuklah mengambil pemilikan (fizikal atau konstruktif) Komoditi.

2. PENYUDAHAN

Dengan penyudahan transaksi Murabahah Tawarruq di atas, pelantikan Bank selaku ejen saya di sini hendaklah tamat secara automatik.

3. WAKALAH TERHAD

Kecuali dan melainkan seperti dinyatakan di dalam Pelantikan Wakil ini, pelantikan Bank sebagai wakil saya tidak menubuhkan atau dianggap menubuhkan sesuatu perkongsian atau usaha sama di antara kita, mahupun menubuhkan hubungan prinsipal atau wakil dalam mana-mana pertalian lain di antara kita.

4. TANGGUNG RUGI

Saya beraku janji untuk menanggung rugi Bank daripada segala tuntutan, kerugian, perbelanjaan ataupun kerosakan yang mungkin terpaksa ditanggung oleh Bank dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai wakil seperti yang telah dinyatakan di atas, melainkan dan kecuali jika disebabkan ta'addi (salah laku), taqsir (kecuai) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang khusus) oleh Bank semasa menyempurnakan dan melaksanakan wakalah yang terkandung di sini dan dalam keadaan sebegini, Bank hendaklah bertanggungjawab dan mengganti rugi atas kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos yang ditanggung oleh saya.

5. KEUNTUNGAN DI DALAM KONTRAK JUALAN MURABAHAH

Sekiranya apa-apa tindakan Bank, seperti yang dilantik di sini mengakibatkan keuntungan melampaui keperluan yang dikenakan oleh saya (seperti menjual pada harga yang lebih tinggi atau membeli pada harga yang lebih rendah) atau diberi kuasa kepada Bank, Bank haruslah mendedahkannya kepada saya dan Bank tidak boleh menyimpan apa-apa bahagian keuntungan melampaui tersebut tanpa persetujuan saya.

6. PENAMATAN

Jika perkara berikut berlaku:

- (a) mana-mana pihak gagal melaksanakan apa-apa kewajipan di bawah Pelantikan Wakil ini di mana kegagalan tersebut boleh diremedikan, tidak diremedikan dalam tempoh yang dinyatakan di dalam Pelantikan Wakil ini agar kegagalan/pelanggaran tersebut diremedikan atau di mana tempoh tersebut tidak dinyatakan dengan jelas, dalam masa empat belas (14) Hari Perniagaan, dari mana-mana tarikh yang pihak sedar akan kegagalan/pelanggaran tersebut atau telah dimaklumkan akan kegagalan/pelanggaran tersebut; atau
- (b) apa-apa representasi, jaminan atau kenyataan yang dibuat oleh mana-mana pihak adalah tidak benar atau mengelirukan secara material atau pada tarikh representasi, jaminan atau kenyataan tersebut dibuat atau dianggap untuk dibuat atau diberikan, atau jika diulangi pada bila-bila masa setelah dirujuk kepada fakta atau keadaan yang diberikan pada masa tersebut adalah tidak tepat; atau
- (c) ia adalah atau ia akan menjadi satu kesalahan menurut undang-undang Malaysia untuk mana-mana pihak untuk melaksanakan atau mematuhi apa-apa tanggungjawabnya di bawah Pelantikan Wakil ini; atau

- (d) satu pengganti, bailif, pemegang amanah atau pentadbir atau penerima atau pegawai yang serupa dengannya mengambil milik atau dilantik ke atas, semua atau mana-mana bahagian aset daripada mana-mana pihak atau tindakan distres atau apa-apa perintah pelaksanaan lain yang dikenakan atau dikuatkuasakan ke atas mana-mana aset tersebut, atau mana-mana kepentingan sekuriti yang pada masa berkenaan mungkin memberi kesan terhadap mana-mana aset tersebut dikuatkuasakan; atau
- (e) mana-mana pihak adalah atau menjadi tidak mampu membayar atau mengancam untuk membeku pembayaran apa-apa hutangnya (sama ada jumlah pembiayaan atau keuntungan) apabila tempohnya tiba atau dianggap tidak mampu membayar hutangnya; atau
- (f) mana-mana pihak yang merupakan individu meninggal dunia atau hilang upaya atau menjadi tidak siaman atau telah dikenakan hukuman penjara atau disabit kesalahan di bawah apa-apa undang-undang; atau
- (g) apa-apa tindakan penggulangan, pembubaran, likuidasi atau petisyen untuk penggulangan atau kebangkrapan diambil terhadap mana-mana pihak dan/atau mana-mana pihak melakukan tindakan kebangkrapan atau memasuki apa-apa perkiraan atau komposisi dengan pemiutangnya; maka dan di dalam mana-mana perkara di atas ("Kejadian Penamatan"), pihak yang tidak bersalah boleh, dengan memberikan notis bertulis kepada pihak yang melanggar, menamatkan Pelantikan Wakil ini di mana, apa-apa aset atau hak saya yang diberikan kepada Bank akan dipulangkan kepada saya, dan Bank berhak ke atas fi wakalah yang dipersetujui DENGAN SYARAT penamatan tersebut tidak memberi kesan atau prejudis terhadap hak mana-mana pihak yang telah terpakai sebelum tarikh penamatan Pelantikan Wakil ini.

7. FI WAKALAH

Kecuali jika diketepikan oleh Bank, apabila diminta oleh Bank pada bila-bila masa, saya akan membayar fi wakalah sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) kepada Bank sebagai imbalan kepada pelantikan dan pelaksanaan tugas Bank sebagai ejen saya.

8. PRINSIPAL TERIKAT

Saya akan terikat dengan apa-apa kontrak atau perjanjian yang dimasuki oleh Bank bagi pihak saya dengan mana-mana pihak ketiga selaras dengan Pelantikan Wakil ini.

Yang benar,

.....
Tandatangan Pelanggan

Nama :

Tarikh :

Diterima oleh,

Tarikh :

.....
Tandatangan Wakil Yang Diberi Kuasa Oleh AmBank Islamic

(Baki mukasurat ini sengaja dikosongkan)

PROPOSAL FORM FOR FinanceSecure-i / BORANG CADANGAN UNTUK FinanceSecure-i

IMPORTANT NOTICE / NOTIS PENTING:

You are responsible to disclose in this proposal form fully and faithfully all the relevant facts, which you know or ought to know to be relevant for AmMetLife Takaful Berhad ("AmMetLife Takaful") to decide whether to accept the proposal or not. It is also your duty to take reasonable care not to make a misrepresentation when you answer any of the questions in this proposal form and other supporting documents. Otherwise, the takaful benefit provided under the Takaful Certificate issued pursuant to this proposal form will not be payable if it is proven the misrepresentation was fraudulently made.

You will continue to inform AmMetLife Takaful in writing if there any changes to the disclosure made in this proposal form in accordance to the declaration made between the date of signing until the certificate is issued, varied or renewed.

You should study the Product Disclosure Sheet and the Benefit Illustration in respect of this Takaful Plan, which will be provided to you together with this proposal form, paying particular attention to the benefits that are covered, benefits that are not covered, significant risks and duties of the Master Certificate Holder and Participant under the Takaful Certificate. Please complete the Nomination Section and also note that in the event of a claim, proof of age is required.

Anda bertanggungjawab untuk menyatakan di dalam borang cadangan ini secara penuh dan jujur semua fakta yang berkenaan, yang anda tahu atau patut tahu ia adalah relevan, untuk AmMetLife Takaful Berhad ("AmMetLife Takaful") membuat keputusan sama ada untuk menerima permohonan ini atau tidak. Adalah juga menjadi tanggungjawab anda untuk mengambil langkah berhati-hati supaya memberi kenyataan yang benar apabila anda menjawab sebarang soalan di dalam borang cadangan ini dan dokumen-dokumen sokongan lain. Jika tidak, manfaat takaful yang disediakan di bawah Sijil Takaful yang dikeluarkan berdasarkan borang cadangan ini tidak akan dibayar jika terbukti bahawa kenyataan yang tidak benar itu diberi dengan niat untuk melakukan penipuan.

Anda akan terus memaklumkan kepada AmMetLife Takaful secara bertulis sekiranya terdapat sebarang pertukaran kepada pendedahan yang dibuat dalam borang cadangan ini menurut deklarasi yang dibuat di antara tarikh menandatangani sehingga sijil dikeluarkan, diubah atau diperbaharui.

Anda seharusnya membaca Helaiian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat yang berkaitan dengan Pelan Takaful, yang akan diberikan kepada anda bersama dengan borang cadangan ini, dengan memberikan tumpuan khusus kepada manfaat-manfaat yang dilindungi, manfaat-manfaat yang tidak dilindungi, risiko-risiko penting dan tanggungjawab-tanggungjawab Pemegang Sijil Induk dan Peserta di bawah Sijil Takaful. Sila lengkapkan Seksyen Penamaan dan sila maklum juga bahawa sekiranya berlaku tuntutan, bukti umur adalah dikehendaki.

Please Tick (✓) & Answer **All Questions** in Block Letters / Sila Tanda (✓) & Jawab **Semua Soalan** Dalam Huruf Besar

All fields are mandatory unless denoted by (*), if any / Semua bahagian perlu diisi kecuali yang bertanda (*), jika ada

A. PARTICIPANT DETAILS / BUTIR-BUTIR PESERTA			
Participant's Name / Nama Peserta		Bank Reference Number / Nombor Rujukan Bank	
Participant's New NRIC No. or Passport No. / No. KP Baru atau No. Pasport Peserta		Financing Agreement No. / No. Perjanjian Pembiayaan	
Bank Distribution Staff's Name / Nama Staf Pengagihan Bank		Financing Plan or Type / Pelan atau Jenis Pembiayaan	
Bank Distribution Staff's Code (Agent Code) / Kod Staf Pengagihan Bank (Kod Ejen)		Sum Covered Amount (RM) / Jumlah Perlindungan (RM)	
Bank's Branch Rubber Stamp / Cop Cawangan Bank		Term of Takaful (Year) / Tempoh Takaful (Tahun)	<input type="text"/> <input type="text"/>
		Profit Rate (%) / Kadar Keuntungan (%)	
		Date of Coverage / Tarikh Perlindungan	

B. DIRECT CREDITING INSTRUCTION TO PARTICIPANT ACCOUNT / ARAHAN BAYARAN SECARA KREDIT TERUS KE AKAUN PESERTA	
For any payment to be made (if any). Please provide the accurate bank account details to avoid any inaccuracy of crediting the said payment. / Untuk sebarang tujuan bayaran (jika ada). Sila berikan butir-butir akaun yang tepat untuk mengelakkan sebarang ketidaktepatan mengkreditkan bayaran tersebut.	
Bank Name / Nama Bank	<input type="text"/>
Bank Account Holder Name / Nama Pemegang Akaun Bank	<input type="text"/>
Account No. / No. Akaun	<input type="text"/>
Account Type / Jenis Akaun	<input type="checkbox"/> Saving / Simpanan <input type="checkbox"/> Current / Semasa
Note: Payment of benefits or refunds may be delayed due to unavailable, inaccurate or incomplete bank account details. / Nota: Bayaran manfaat atau bayaran balik mungkin akan lewat sekiranya tiada maklumat akaun bank, maklumat kurang tepat atau tidak lengkap.	

C. HEALTH DECLARATION (MUST BE ANSWERED IN ALL CASES) (Please tick (X) in the applicable box) /**PENGAKUAN KESIHATAN (SEMUA SOALAN MESTI DIJAWAB) (Sila tandakan (X) dalam kotak yang berkenaan)**

I declare to the best of my knowledge and belief that I have never had any previous application for a Takaful Certificate/Insurance Policy declined, postponed, rated or modified. I have not been hospitalised due to illness or accident for a continuous period exceeding seven (7) days in the last five (5) years. I further declare that to the best of my knowledge and belief that I have not been medically advised by any medical officers or practitioners nor have I been diagnosed, treated or given any medication for any prolonged illness or continues ailment. I fully understand that prolonged illness or continues ailments shall mean cancer or any blood disorder, tumour, enlarged glands, coronary artery disease, hypertension or high/low blood pressure or any other disease of the heart or blood vessels, asthma, tuberculosis or any other lung disease, venereal disease, stroke, paralysis, fits, epilepsy, blackout spells or any other brain or neurological disease, hearing or vision impairment, or any ear or eye disease, congenital anomalies, cerebral or cerebrovascular haemorrhage, heart attack, renal failure, renal dysfunction, diabetes, high cholesterol, thyroid problems or any other endocrine or hormonal disease, slipped disc, chronic back or neck pain, arthritis, gout or any other muscle or joint disease, gastritis, ulcer, hepatitis (inclusive Hepatitis B or C carrier), pancreatitis, colitis, liver dysfunction or any other liver, gall bladder, pancreas, bowel or stomach disease, anemia, low platelet count, bleeding problems or any other blood disease, kidney failure or impairment, blood or protein in urine, urinary tract or kidney infections/stones, glomerulonephritis, or any other disease of the kidney, bladder or urinary tract, SLE (Systemic Lupus Erythematosus), rheumatoid arthritis, rheumatism, psoriasis or any other skin or immune disease, schizophrenia, depression, suicide attempt or any other psychiatric disease, severe injury or accident with residual complications or disability, congenital abnormality or any permanent physical or mental impairment, AIDS or HIV related diseases, syphilis, or any other sexually transmitted disease. I further declare that I do not suffer from any serious disorders or other diseases, deformities or complaints not expressly mentioned above. /

Saya mengaku sebenar-benarnya bahawa permohonan untuk Sijil Takaful/Polisi Insurans saya tidak pernah ditolak, ditangguh, dinaikkan kadar sumbangan atau diubah dengan apa cara sekali pun dan saya tidak pernah dimasukkan ke dalam hospital melebihi tujuh (7) hari di dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas akibat daripada penyakit atau kemalangan. Saya mengaku bahawa setakat yang saya tahu, saya tidak pernah dinasihati atau diberitahu oleh mana-mana pegawai kesihatan atau doktor bahawa saya berpenyakit, diberi rawatan dan ubatan bagi sebarang penyakit merbahaya dan berlarutan. Saya faham bahawa penyakit merbahaya dan berlarutan adalah ditakrif sebagai barah atau sebarang penyakit berkaitan darah, tumor, bengkak kelenjar, penyakit arteri koronari, tekanan darah tinggi/rendah atau mana-mana penyakit jantung atau saluran darah, asma, batuk kering atau penyakit paru-paru yang lain, penyakit kelamin, strok, lumpuh, sawan, epilepsi, sesekali pitam atau penyakit otak atau saraf yang lain, kemerosotan pendengaran atau penglihatan, atau mana-mana penyakit telinga atau mata, kecacatan sejak kelahiran, pendarahan otak, serangan jantung, segala sakit berkenaan buah pinggang, kencing manis, kolesterol tinggi, masalah tiroid, atau mana-mana penyakit endokrin atau hormon yang lain, cakera teranjak, sakit belakang kronik atau sakit leher, arthritis, gout atau mana-mana penyakit otot atau sendi yang lain, gastrik, ulser, hepatitis (termasuk pembawa B atau C), pankreatitis, kolitis, kegagalan fungsi hati atau mana-mana penyakit hati, pundi hempedu, pankreas, usus atau perut yang lain, anemia, kiraan platelet yang rendah, masalah pendarahan atau penyakit darah yang lain, kegagalan buah pinggang atau kemerosotan buah pinggang, darah atau protein dalam air kencing, jangkitan saluran kencing atau jangkitan/batu buah pinggang, glomerulonephritis, atau mana-mana penyakit lain yang berkaitan dengan / memberi kesan kepada buah pinggang, pundi kencing atau saluran kencing, SLE (Sistemik Lupus Erythematosus), arthritis reumatoid, bisa-bisa tulang, psoriasis atau mana-mana penyakit kulit atau imun yang lain, skizofrenia, kemurungan, cubaan membunuh diri atau mana-mana penyakit psikiatri yang lain, kecederaan parah atau kemalangan dengan komplikasi sampingan atau hilang upaya, kecacatan sejak lahir atau mana-mana kemerosotan kekal fizikal atau mental, AIDS atau penyakit berkaitan HIV, sifilis, atau mana-mana penyakit kelamin yang lain. Saya mengaku bahawa saya tidak menghadapi sebarang penyakit serius atau penyakit-penyakit lain kecacatan atau rungutan yang tidak dinyatakan di atas.

FOR MALE ONLY / UNTUK LELAKI SAHAJA: I do not have undescended testicular, prostate enlargement or any other prostate or testicular disease. / Saya tidak pernah mengalami testis tidak turun, pembesaran prostat atau mana-mana penyakit prostat atau penyakit testis yang lain.

FOR FEMALE ONLY / UNTUK WANITA SAHAJA: I do not have breast lump, carcinoma in situ, abnormal pap smear, breast or ovarian cyst or tumor, fibroid or any other disease of the breast, ovary, cervix or uterus. / Saya tidak pernah mengalami ketulan payudara, karsinoma in situ, pap smear tidak normal, tumor payudara atau sista ovari, fibroid atau mana-mana penyakit payudara, ovari, pangkal rahim atau rahim.

a) I hereby understand the health declaration as set out above. / Saya memahami deklarasi kesihatan yang dinyatakan di atas

b) I hereby understand the health declaration but not all of the above circumstances apply to me. / Saya memahami deklarasi kesihatan tetapi tidak semua keadaan dinyatakan di atas berkenaan dengan saya.

Please provide details if answer is b. / Sila berikan butiran lanjut sekiranya jawapan adalah b.

D. NOMINATION (Please use the Nomination Form if you nominate more than 2 persons) /**PENAMAAN (Sila gunakan Borang Penamaan sekiranya anda menamakan lebih daripada 2 orang)**

1.	Participant may designate nominee(s) to receive takaful benefits upon death under the Takaful Certificate, either as a beneficiary under Conditional Hibah (Gift) or as an Executor. / Peserta boleh menetapkan penama(-penama) untuk menerima manfaat takaful setelah berlaku kematian di bawah Sijil Takaful, sama ada sebagai benefisiari di bawah Hibah Bersyarat (Hadiah) atau sebagai Wasi.
2.	Payment of takaful benefits under this Takaful Certificate will only be made to the nominee if there is any balance after deducting the outstanding financed amount owed by the Participant to the Master Certificate Holder. / Semua bayaran manfaat takaful di bawah Sijil Takaful ini hanya akan di bayar kepada penama sekiranya terdapat baki selepas di tolak baki pembiayaan Peserta yang perlu di bayar kepada Pemegang Sijil Utama.
3.	Participant has the right and option(s) to modify or to revoke the appointment of nominee(s) under this Nomination without consent of any nominee. / Peserta berhak untuk mengubah atau menarik balik pelantikan penamaan(-penamaan) di bawah Sijil tanpa persetujuan mana-mana penama.
4.	If two or more nominees are appointed, the Participant may specify the percentage that is to be allocated for each nominee. If no percentage is stated, allocation shall be in equal shares. / Jika dua atau lebih penamaan dibuat, Peserta boleh menyatakan peratusan untuk di bayar kepada setiap penama. Jika peratusan tidak dinyatakan, pembahagian dibuat secara sama rata.
5.	AmMetLife Takaful shall be discharged from all liabilities once the takaful benefits has been paid to the Master Certificate Holder and / or nominee(s). / AmMetLife Takaful akan dilepaskan dari segala tanggungjawab setelah manfaat takaful di bayar kepada Pemegang Sijil Utama dan / atau penama(-penama).

Please choose one ONLY / Sila pilih satu SAHAJA

Conditional Hibah / Hibah Bersyarat

1. The nominee(s) shall receive the takaful benefits as a beneficiary and shall be entitled to the takaful benefits in accordance with the percentage given. The said takaful benefits shall not form part of the estate of the deceased Participant or be used to pay his debts. / Penama(-penama) akan menerima manfaat takaful sebagai seorang benefisiari dan berhak ke atas manfaat takaful mengikut peratusan yang dinyatakan apabila Peserta meninggal dunia. Manfaat takaful tersebut tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka atau digunakan untuk melangsaikan hutang Peserta.

2.	Nomination(s) if any shall become null and void if there has been any criminal convictions and / or oppression by any such appointed nominee towards the Participant resulting in the death of the Participant and these events is / are confirmed by the relevant enforcement authority or proven guilty in the court of law. / <i>Penamaan(-penamaan), jika ada, akan terbatal dan tidak sah jika terdapat sebarang sabitan jenayah dan / atau ugutan oleh mana-mana penama yang dilantik terhadap Peserta yang menyebabkan kematian Peserta dan kejadian tersebut telah disahkan oleh pihak berkuasa atau terbukti bersalah di mahkamah.</i>
3.	For Muslim Participant, the appointed nominee(s) shall receive the takaful benefits payable from Participants Risk Fund (PRF) as Hibah and act as an Executor for the takaful benefits payable from Participants Investment Fund (PIF) and shall distribute in accordance with the relevant laws of distribution / by decision of the court. / <i>Bagi Peserta beragama Islam, penama(-penama) yang dilantik akan menerima manfaat takaful daripada Dana Risiko Peserta-Peserta (DRP) sebagai Hibah dan akan bertindak sebagai Wasi bagi manfaat takaful yang dibayar daripada Dana Pelaburan Peserta-Peserta (DPP) dan hendaklah mengagihkan mengikut bahagian yang ditetapkan oleh undang-undang pembahagian harta yang berkaitan / mana-mana arahan mahkamah.</i>
4.	If nominee(s) predeceases the Participant and no new nomination is made, AmMetLife Takaful shall pay the share of the deceased nominee to the Participant's proper claimant / lawful administrator and to be distributed in accordance with the relevant laws of distribution. / <i>Sekiranya mana-mana Penama meninggal dunia sebelum Peserta dan tiada penamaan baru dibuat, AmMetLife Takaful akan membayar bahagiannya kepada penuntut / pentadbir Peserta yang sah untuk dibahagikan mengikut bahagian yang ditetapkan oleh undang-undang pembahagian harta yang berkaitan.</i>
5.	If any nominee dies after the Death of the Participant but before any takaful benefits has been paid to him, AmMetLife Takaful shall pay the takaful benefits to the proper claimant / lawful administrator of the deceased nominee(s) as an Executor. / <i>Sekiranya mana-mana penama meninggal selepas kematian Peserta tetapi sebelum mana-mana manfaat takaful dibayar kepadanya, AmMetLife Takaful akan membayar manfaat takaful kepada penuntut / pentadbir penama(-penama) yang telah meninggal yang sah sebagai Wasi.</i>

Executor / Wasi

1.	The nominee(s) shall be assigned to receive the takaful benefits under the Certificate as an Executor and to distribute the takaful benefits in accordance with the relevant laws of distribution. / <i>Penama(-penama) akan menerima manfaat takaful di bawah Sijil Takaful ini sebagai Wasi dan hendaklah mengagihkan manfaat takaful mengikut undang-undang pembahagian harta yang berkaitan.</i>
2.	If any nominee(s) predecease the Participant OR nominee(s) dies after the Participant but before any takaful benefits have been paid to him as nominee, AmMetLife Takaful shall pay the takaful benefits amount to the Participant's proper claimant / lawful administrator. / <i>Jika mana-mana penama(-penama) yang dicadangkan meninggal sebelum Peserta ATAU sekiranya penama(-penama) meninggal selepas kematian Peserta tetapi sebelum apa-apa manfaat takaful dibayar kepadanya sebagai penama, AmMetLife Takaful hendaklah membayar manfaat takaful kepada penuntut / pentadbir yang sah.</i>

DETAILS OF NOMINEE(S) / BUTIRAN PENAMA (-PENAMA)		
Nominee(s) Details / Butiran Penama(-Penama)	First Nominee / Penama Pertama	Second Nominee / Penama Kedua
Name / Nama		
New NRIC No. / Passport No. / No. KP Baru / No. Pasport		
Date of Birth / Tarikh Lahir		
Religion / Agama		
Occupation / Pekerjaan		
Nature of Business / Bidang Perniagaan		
Employer Name / Company / Nama Majikan / Perniagaan		
Contact Number / Nombor Telefon		
Address / Alamat		
Nationality / Warganegara		
Relationship / Hubungan		
Share (%) / Perkongsian (%)		

E. PERSONAL DATA DECLARATION / DEKLARASI DATA PERIBADI	
1.	I agree that AmMetLife Takaful, AmBank Group and / or MetLife Inc. and its subsidiaries and affiliates (MetLife Group), and their related companies, subsidiaries, holding company, business partners and any third party (within or outside Malaysia) can share and use my data and personal information for the purpose of promoting its related companies, subsidiaries, holding companies, business partners and any third party's products, new services and support requirements; and marketing campaigns and commercial transaction activities. I can withdraw this permission at any time by notifying AmMetLife Takaful in writing. / <i>Saya bersetuju bahawa AmMetLife Takaful, Kumpulan AmBank dan / atau MetLife Inc dan anak-anak syarikat dan sekutu (Kumpulan MetLife), dan syarikat-syarikat berkaitan, anak-anak syarikat, syarikat induk, rakan-rakan kongsi perniagaan dan mana-mana pihak ketiga (di dalam atau di luar Malaysia) boleh berkongsi dan menggunakan data dan maklumat peribadi saya untuk tujuan promosi syarikat-syarikat berkaitan, anak-anak syarikat, syarikat induk, rakan-rakan kongsi perniagaan dan mana-mana produk pihak ketiga, perkhidmatan baru dan keperluan sokongan, dan kempen-kempen pemasaran dan aktiviti-aktiviti urusniaga perdagangan. Saya boleh menarik balik kebenaran ini pada bila-bila masa dengan memberitahu AmMetLife Takaful secara bertulis.</i> <input type="checkbox"/> Yes / Ya <input type="checkbox"/> No / Tidak
2.	I further understand and agree that AmMetLife Takaful shall have the right to use my data and personal information for the purpose of the Takaful operational process which might include transfer of data and personal information within or outside Malaysia, to MetLife group, AmMetLife Takaful's other related companies, subsidiaries and / or its holding companies, outsourcing partners, retakaful operators, solicitor, affiliate companies including their outsourcing partners and to any regulatory bodies, or any relevant foreign tax authority, including any reporting obligations by AmMetLife Takaful. I can withdraw this permission at any time by notifying AmMetLife Takaful in writing. / <i>Saya memahami dan bersetuju bahawa AmMetLife Takaful berhak untuk menggunakan data dan maklumat peribadi saya untuk tujuan proses operasi Takaful yang mungkin termasuk pemindahan data dan maklumat peribadi di dalam atau di luar Malaysia, ke Kumpulan MetLife, lain-lain syarikat berkaitan AmMetLife Takaful, anak-anak syarikat dan / atau syarikat-syarikat induk, rakan-rakan penyumbangan luar, pengendali takaful semula, peguamcara, syarikat-syarikat gabungan termasuk rakan-rakan penyumbangan luar mereka dan kepada sebarang badan pengawal selia, atau mana-mana pihak berkuasa cukai asing yang berkaitan, termasuk sebarang keperluan laporan oleh AmMetLife Takaful. Saya boleh menarik semula kebenaran ini pada bila-bila masa dengan memaklumkan secara</i>

bertulis kepada AmMetLife Takaful.

3. I understand that I have a right to obtain access to and to request correction of any data and personal information held by AmMetLife Takaful concerning me. Such request can be made via a written request to AmMetLife Takaful. / *Saya memahami bahawa saya berhak untuk mendapatkan akses dan memohon pembetulan sebarang data dan maklumat peribadi yang dipegang oleh AmMetLife Takaful berkaitan dengan saya. Permohonan tersebut boleh dilakukan secara bertulis kepada AmMetLife Takaful.*
4. I provide consent to AmMetLife Takaful to conduct credit checks with any credit reporting agency in Malaysia and for AmMetLife Takaful to receive the credit report containing my credit information from the credit reporting agency. / *Saya memberi kebenaran kepada AmMetLife Takaful untuk menjalankan pemeriksaan kredit dengan mana-mana agensi pelaporan kredit di Malaysia dan bagi AmMetLife Takaful untuk menerima laporan kredit yang mengandungi maklumat kredit saya daripada agensi pelaporan kredit.*
5. I have read and understood AmMetLife Takaful's Privacy Notice, which is available at AmMetLife Takaful website and AmMetLife branches. / *Saya telah membaca dan memahami Notis Privasi AmMetLife Takaful, yang terdapat di laman web AmMetLife Takaful dan cawangan-cawangan AmMetLife.*

F. DECLARATION BY PARTICIPANT / PENGAKUAN OLEH PESERTA

1. I declare and confirm that all information and documents I had provided pursuant to this proposal form are full, complete and true. AmMetLife Takaful shall issue the Takaful Certificate based on this proposal form to me. I authorize my physician or hospital or any organization that has any records or knowledge of my health to furnish AmMetLife Takaful with information of my medical history and physical condition. A photocopy of this authorization shall be as effective and valid as the original. / *Saya mengaku dan mengesahkan segala maklumat dan dokumen-dokumen yang saya telah berikan selaras dengan borang cadangan ini adalah penuh, lengkap dan benar. AmMetLife Takaful akan mengeluarkan Sijil Takaful berdasarkan borang cadangan ini kepada saya. Saya memberi kebenaran kepada doktor atau hospital atau sebarang organisasi yang mempunyai rekod atau pengetahuan mengenai kesihatan saya untuk memberi maklumat mengenai sejarah perubatan dan keadaan fizikal saya kepada AmMetLife Takaful. Salinan kebenaran ini akan dianggap efektif dan sah seperti salinan asal.*
2. Pursuant to my applications for personal financing from the Master Certificate Holder, I agree to participate in the Takaful Plan arranged by the Master Certificate Holder with AmMetLife Takaful as wakeel (agent) to manage the Takaful funds based on Wakalah contract as defined by AmMetLife Takaful and in accordance with Shariah principles. / *Berdasarkan permohonan saya untuk pembiayaan peribadi daripada Pemegang Sijil Induk, saya bersetuju untuk menyertai Pelan Takaful yang diatur oleh Pemegang Sijil Induk dengan AmMetLife Takaful sebagai wakil (ejen) untuk mengurus dana Takaful mengikut kontrak Wakalah seperti yang ditentukan oleh AmMetLife Takaful dan berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.*
3. I agree to pay the contribution as determined by AmMetLife Takaful. I also agree Wakalah Fee to be deducted from my contribution and the balance of the contribution shall be placed in the Participants Investment Fund ("PIF") to be managed and invested in accordance with Shariah principles. / *Saya bersetuju untuk membayar sumbangan yang ditentukan oleh AmMetLife Takaful. Saya juga bersetuju Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan yang di bayar dan baki sumbangan tersebut akan dimasukkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta-Peserta ("DPP") dan akan diuruskan dan dilaburkan berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.*
4. I further agree that a portion of my PIF shall be allocated monthly as tabarru' (donation) into the Participants Risk Fund ("PRF") and be used to help other participants in time of misfortune. / *Saya selanjutnya bersetuju bahawa sebahagian daripada DPP saya akan diperuntukkan sebagai tabarru' bulanan (derma) ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta ("DRP") dan akan digunakan untuk membantu peserta-peserta lain ketika ditimpa musibah.*
5. I agree that after AmMetLife Takaful's financial year end, any distributable surplus from PRF will be distributed at a maximum 50% to AmMetLife Takaful while at a minimum 50% to eligible participant, which will be allocated to PIF in accordance with the terms and conditions of the Takaful Certificate based on methodologies determined by AmMetLife Takaful provided always that I have not incurred any claim and / or not receive any benefits payable under each type of coverage under this Certificate whilst it is in force. / *Saya bersetuju bahawa selepas tahun kewangan AmMetLife Takaful berakhir, sebarang lebihan boleh agih daripada DRP akan diagihkan maksima 50% kepada AmMetLife Takaful manakala minima 50% kepada peserta yang layak dan akan disalurkan ke DPP mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful berdasarkan kaedah yang ditentukan oleh AmMetLife Takaful, tertakluk kepada saya tidak pernah membuat sebarang tuntutan dan / atau tidak pernah menerima sebarang manfaat bagi sebarang perlindungan di bawah Sijil ini semasa Sijil masih berkuatkuasa.*
6. I agree that AmMetLife Takaful has the right to reject my application if I have any substandard record with other takaful operator or insurance company. / *Saya bersetuju bahawa AmMetLife Takaful berhak untuk menolak permohonan saya jika saya mempunyai rekod sub-standard dengan pengendali takaful lain atau syarikat insurans lain.*

By submitting this form, I confirm that I have read and accepted the terms and conditions above. / *Dengan menghantar borang ini, saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan menerima terma-terma dan syarat-syarat di atas.*

Signature of Participant / Tandatangan Peserta

Date / Tarikh: _____

Witness Signature / Tandatangan Saksi

Name / Nama: _____

New NRIC No. / No. KP Baru: _____

Date / Tarikh: _____

Note: The witness must be at least 18 years of age and a person of sound mind and cannot be a named nominee. /

Nota: Saksi mestilah berumur 18 tahun ke atas dan berfikiran waras dan bukan penama yang telah dilantik

Note / Nota:

1. This takaful product is underwritten by AmMetLife Takaful Berhad (Company number 201101002936). / *Produk takaful ini ditaja jamin oleh AmMetLife Takaful Berhad (Nombor syarikat 201101002936).*
2. MetLife is a multinational organization and as such, MetLife and AmMetLife Takaful as its associates are subject to the restrictions imposed by economic and trade sanctions programs in the United States of America (USA) as well as other countries where MetLife conducts its business. Therefore, MetLife may not engage in any transactions, or pay claims that would violate any applicable trade or economic sanctions. AmMetLife Takaful shall not be deemed to provide coverage and AmMetLife Takaful shall not be liable to pay any claim or provide any Benefit to the extent that the provision of such Benefit would expose AmMetLife Takaful to any sanction, prohibition or restriction under United Nations resolutions or the trade or economic sanctions, laws or regulations of the European Union, United Kingdom or USA or any applicable laws. The certificate will be deemed null and void should a party be subject to any aforementioned sanction or restriction at certificate issuance. / *MetLife merupakan sebuah organisasi multinasional, oleh itu MetLife dan AmMetLife Takaful sebagai sekutunya tertakluk kepada sekatan yang dikenakan di bawah program sekatan ekonomi dan perdagangan di Amerika Syarikat (AS) dan negara-negara lain di mana MetLife menjalankan perniagaan. Oleh itu, MetLife tidak boleh terlibat dalam sebarang transaksi, atau membayar tuntutan yang akan melanggar sebarang sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkaitan. AmMetLife Takaful tidak akan tertakluk untuk memberi perlindungan dan AmMetLife Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberikan sebarang faedah sekiranya peruntukan faedah itu akan mendedahkan AmMetLife Takaful kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau AS atau sebarang undang-undang yang berkenaan. Sijil ini akan dianggap terbatal dan tidak sah sekiranya sesuatu pihak tertakluk kepada sebarang sekatan-sekatan yang disebutkan atau sekatan ketika pengeluaran sijil.*
3. Upon receiving complete documents (including all additional documents arising from underwriting assessment) and full contribution payment, we will issue the Takaful Certificate within fourteen (14) days from the date we approved your takaful application. / *Apabila semua dokumen (termasuk dokumen tambahan pengunderaitan) dan bayaran penuh sumbangan diterima, kami akan mengeluarkan Sijil Takaful dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kami meluluskan permohonan takaful anda.*

**PERSONAL FINANCING-I BPA
SALES REQUIREMENTS & ACCEPTANCE CHECKLIST**

Applicant's Name :
 NRIC : --

Marketing Executive to submit physical files (Mandatory and Supporting Documents) to:
 AmBank (M) Bhd, Credit Support & Admin, Post Approval Unit (Fulfillment-PF COOP), Level 14, Tower 1, Wisma AmFirst, Jalan Stadium SS 7/15,
 47310 Petaling Jaya, Selangor

A. ELIGIBILITY CRITERIA (PRELIMINARY CHECKLIST FOR SALES)

Requirement	
1. Applicant is working with Government or selected Statutory Bodies/GLC	<input type="checkbox"/>
2. The Organisation has Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) code	<input type="checkbox"/>
3. Permanent Staff – length of service is 3 months and above [with the exception of medical doctor]	<input type="checkbox"/>
4. Participate in PF-i Promotion [if applicable]:	
• 12 MAP ASBF+PF-i Combo, AmWINS NM Ref No.	<input type="checkbox"/>
• Household Income Program / DSR Program / Debt Consolidation Program / Others	<input type="checkbox"/>
5. Opening of AmBank Islamic/AmBank savings/current account [applicable for New to salary deduction under BPA]	<input type="checkbox"/>
6. Payslip/e-payslip for Nov'20, Dec'20 & Jan'21 payslip [to email MCCM during Pending Booking stage for salary booking purposes]	<input type="checkbox"/>

B. DOCUMENTS SUBMISSION FOR ACCEPTANCE

Mandatory Documents	
1. 1 original and completed latest version of Borang Permohonan & Wakalah – signed & dated by applicant and Marketing Executive (ME)	<input type="checkbox"/>
*2. 1 original Proposal Form for FinanceSecure-i AmMetLife Takaful–signed & dated by applicant and witnessed ME/Agent, 1 photocopy Proposal Form for FinanceSecure-i AmMetLife Takaful, AND 2 photocopies of RTT quotation *[Item 2 if applicable]	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
3. 1 original copy of NRIC both side - original CTC by employer authorized personnel AND 2 photocopies of NRIC both side	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
4. Sales Requirements & Acceptance Checklist - signed & dated by Marketing Executive and Lending Ops (PAU)	<input type="checkbox"/>
5. 1 original Borang Rujukan MCCM – signed & dated by applicant and agent [only applicable to MCCM referral]	<input type="checkbox"/>
6. 1 original latest payslip/e-payslip - CTC by employer authorized personnel OR 3 months latest payslip/e-payslip – for variable income earner and CTC by employer authorized personnel	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
7. 1 original Borang ANGKASA BPA 1/79 - signed & dated by applicant, applicant's HOD and witnessed by ME/Agent OR SPGA booking confirmation printout [only applicable to MCCM referral]	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8. 1 photocopy of Savings Account Passbook/Current Account Statement front page with name, acc. number - CTC by ME/Agent [applicable for BPA existing customer AND without AmBank Islamic/AmBank CASA] OR Printing of deposit thermal receipt at AmBank Islamic/AmBank branches which reflects acc. Number and applicant's name [applicable for New to salary deduction under BPA]	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
9. 1 original Perjanjian Am – signed & dated by applicant and witnessed by ME/Agent	<input type="checkbox"/>
10. 1 original Borang AntiSogokan dan AntiRasuah - signed & dated by applicant and witnessed by ME/Agent	<input type="checkbox"/>
Supporting Documents	
1. HRMIS print out (all pages) for Employer Waiver During MCO - CTC by ME/Agent [applicable for qualified applicant]	<input type="checkbox"/>
2. 1 copy of police authority card both side - CTC by ME/Agent [if applicable]	<input type="checkbox"/>
3. For Household Income Program – to provide Spouse's:	
• 1 original copy of NRIC both side – CTC by ME/Agent	<input type="checkbox"/>
• 1 copy of payslip/e-payslip – CTC by ME/Agent [applicable for fixed income earner]	<input type="checkbox"/>
• 1 copy of latest EPF statement – CTC by ME/Agent [applicable for private sector employment]	<input type="checkbox"/>
4. A valid Settlement Letter on account(s) to be settled/ CCRIS outstanding balance [applicable for overlapping cases]	<input type="checkbox"/>
5. Addition income document [if any]	<input type="checkbox"/>

Confirmed by Marketing Executive/Agent

Received by Lending Operations

(.....)
 Name :
 Date :
 Contact No. :

(.....)
 Name :
 Date :





ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

SURAT KEBENARAN POTONGAN GAJI MELALUI ANGKASA

Borang BPA1/79 - Pindaan 2013
Rujukan Jab. Akauntan Negara Malaysia:
ANM (T) SULIT,17/68 Pt. 1/(25)

BAHAGIAN 1 - UNTUK KEGUNAAN ORGANISASI

GUNAKAN HURUF BESAR DAN TULIS DENGAN JELAS PADA BORANG YANG DIPERAKUI

NAMA PENUH :
Awam Polis Tentera

NO. KP LAMA / POLIS / TENTERA : NO. KAD PENGENALAN BARU :

PEJ. PERAKAUNAN / KOD JABATAN / PUSAT BAYARAN : NO. GAJI / NO. PEKERJA :

NAMA / ALAMAT MAJIKAN :
(pusat tanggungjawab gaji)

NO. TELEFON : NAMA BANK / NO. AKAUN : PEKERJAAN / PANGKAT :

KOD ORGANISASI : NO. ANGGOTA :

JUMLAH PEMBIAYAAN DILULUSKAN RM KADAR KEUNTUNGAN : %

LAIN-LAIN CAJ PERKHIDMATAN : RM
(Berkaitan pembiayaan organisasi)

KOD POTONGAN	POTONGAN BERMULA		POTONGAN TERAKHIR		AMAUN POKOK (RM)	LAIN-LAIN AMAUN
	Bulan	Tahun	Bulan	Tahun		
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

JUMLAH BESAR (Amaun Pokok + Lain-lain)

Adalah dengan ini disahkan bahawa butiran yang ternyata dalam dokumen ini diakui betul dan organisasi ini bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut.

Nama :

Tandatangan :

Tarikh :

COP KOPERASI / ORGANISASI

BAHAGIAN 2 - PENGAKUAN DAN MAKLUMAT ANGGOTA ORGANISASI

MUSTAHAK : JANGAN TANDATANGAN BORANG KOSONG

Saya dengan ini bersetuju supaya gaji saya [redacted] dipotong untuk dibayar kepada (nama organisasi) [redacted] bagi bayaran seperti ternyata di Bahagian 1 dalam surat kebenaran ini dan lain-lain bayaran atau perubahan yang diarahkan oleh organisasi dari masa ke semasa. Potongan ini akan dibuat kepada Biro Perkhidmatan ANGKASA yang bertanggungjawab mengendalikan pengutipan potongan gaji bersesuaian dengan arahan-arahan SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Bil 1 Tahun 1977, Bil 2/81, Bil 3/81, Bil 4/82, Bil 1/85 dan pekeliling, arahan serta aturan-aturan oleh Kerajaan dan ANGKASA yang dikeluarkan dari masa ke semasa. (Bagi pekerja sektor swasta tertakluk pada Seksyen 24(4) Akta Kerja 1955). Persetujuan saya ini juga adalah keizinan saya yang dikehendaki di bawah undang-undang bertulis mengenai potongan gaji dan/atau buruh yang terpakai dan keizinan ini termasuk memberi kuasa kepada majikan saya untuk mengubah dan/atau meminda potongan gaji ini selaras dengan undang-undang bertulis itu, jika berkenaan. Persetujuan ini laku sehingga kebenaran ini saya tarik balik secara bertulis dan pembatalan potongan ini akan dilaksanakan setelah disahkan oleh organisasi bahawa saya adalah bebas dari sebarang hutang atau tunggakan ansuran pinjaman dan lain-lain bayaran atau perubahan yang diarahkan. Saya maklum bahawa urusan potongan gaji ini ialah satu kemudahan membayar dan saya masih bertanggungjawab terhadap bayaran-bayaran yang tidak dijelaskan kepada organisasi tersebut. Saya juga membenarkan pihak organisasi atau majikan menyamak maklumat potongan gaji dan maklumat lain saya yang disimpan oleh ANGKASA. Sebagai balasan bagi yang tersebut di atas, saya dengan ini menyelamatkan Kerajaan Malaysia dan ANGKASA dari kerugian dan saya tidak akan membuat tuntutan terhadap mereka, tidak akan menuntut daripada mereka, atau tidak akan mendakwa mereka, di atas apa-apa kerugian yang mungkin berlaku selepas apa-apa jumlah telah dipotong dari gaji saya dan dihantar kepada Biro Perkhidmatan ANGKASA atas permintaan saya. Saya mengakui telah membaca dan memahami implikasi surat kebenaran ini dan semua pekeliling, arahan dan aturan-aturan yang mengawal selia kemudahan potongan gaji ini yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan ANGKASA dari masa ke semasa. Ungkapan "organisasi" termasuk koperasi. Saya faham surat kebenaran ini dibaca sekali dengan Aturan-Aturan Kemudahan Biro Perkhidmatan ANGKASA - Versi 2013(1)

Nama Penuh : [redacted]

No. Kad Pengenalan / No. Tentera / No. Polis : [redacted]

Saya mengaku telah diberi penjelasan secukupnya oleh pegawai (nama) [redacted]

Saya mengaku membuat pembiayaan sebanyak (RM) [redacted] yang telah diluluskan oleh koperasi / organisasi (mesti dicatat jika melibatkan pembiayaan.)

Tandatangan / Cap Jari Individu

Tarikh : [redacted]

DIPENUHI OLEH SAKSI

Tandatangan : [redacted]

Nama Saksi : [redacted]

No. Kad Pengenalan : [redacted]

Tarikh : [redacted]

BAHAGIAN 3 - PENGESAHAN MAJIKAN

MUSTAHAK : PASTIKAN TUNTUTAN BULANAN DINYATAKAN PADA BAHAGIAN 1

Adalah dengan ini disahkan bahawa butiran yang ternyata dalam dokumen ini diakui betul dan penama berkenaan berkhidmat di jabatan / sekolah / syarikat ini. Jumlah potongan baru yang dibenarkan ialah RM [redacted]

Nama Penuh : [redacted]

Jawatan Pegawai : [redacted]

Tarikh : [redacted]

TANDATANGAN / COP MAJIKAN

(Tertakluk pada kelulusan Ketua Jabatan / Pengurus / Pegawai bahagian gaji yang bertanggungjawab)

PERJANJIAN AM

PEMBIAYAAN PERIBADI-i MTQ

1. DEFINISI PERKATAAN DAN MAKSUD

“BNM”

Merujuk kepada Bank Negara Malaysia dan termasuk subsidiarinya dan biro yang ditubuhkan olehnya.

“Badan Potongan Gaji”

Merujuk kepada Biro Perkhidmatan Angkasa atau mana-mana badan/jabatan yang bertanggungjawab ke atas pemotongan gaji Pelanggan.

“Bank”

Merujuk kepada AmBank Islamic Berhad [No. Syarikat 199401009897 (295576-U), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur dan termasuklah semua pengganti-dalam-gelaran dan penerima serah hak.

“Pelanggan”

Merujuk kepada pemohon fasiliti seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i yang ditandatangani bersama-sama dengan Perjanjian Am ini dan termasuklah waris, penerima serah hak yang dibenarkan, dan pengganti-dalam-gelaran (mana-mana yang berkenaan).

“Kumpulan AmBank”

Merujuk kepada semua perbadanan berkaitan dan/atau bersekutu dengan i) Bank; ii) syarikat induk Bank; dan iii) syarikat induk muktamad Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, yang sudah wujud pada masa kini atau pada masa akan datang dan rujukan terhadap “Kumpulan AmBank” di dalam Perjanjian Am ini merangkumi ke semua atau sebarang entiti di dalam Kumpulan AmBank.

“Fasiliti”

Merujuk kepada kemudahan pembiayaan peribadi menurut Prinsip Syariah kepada Pelanggan yang telah diluluskan oleh Bank.

“Amaun Fasiliti”

Merujuk kepada amaun keseluruhan Fasiliti yang bersamaan dengan hasil jualan daripada penjualan komoditi kepada pembeli pihak ketiga.

“Bayaran Bulanan”

Merujuk kepada bayaran bulanan Harga Jualan Bank yang perlu dibayar oleh Pelanggan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian Am ini.

“Komoditi”

Merujuk kepada komoditi yang patuh Syariah seperti minyak kelapa sawit mentah atau apa-apa yang sesuai (tidak termasuk barangan ribawi di dalam kategori pertukaran seperti matawang, emas dan perak), didagangkan di atas platform *Bursa Suq al-Sila'* dan/atau mana-mana platform yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

“Harga Jualan Bank”

Merujuk kepada kos Komoditi ditambah keuntungan Bank yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank.

“Jumlah Keberhutangan”

Merujuk kepada Harga Jualan Bank, perbelanjaan, caj dan fi yang perlu dibayar di bawah Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i dan Perjanjian Am ini.

“Pelantikan Wakil”

Merujuk kepada dokumen pelantikan Bank sebagai wakil/ejen Pelanggan berdasarkan konsep wakalah yang dilampirkan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i untuk transaksi Murabahah Tawarruq di bawah Fasiliti ini.

“Prinsip Syariah”

Merujuk kepada prinsip-prinsip pembiayaan Islam sebagaimana yang diterima pakai dan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah Bank.

“Cukai”

Merujuk kepada apa-apa cukai yang berbayar bagi pembekalan barang, perkhidmatan atau benda-benda lain selaras dengan peruntukan undang-undang.

“Surat Kelulusan”

Merujuk kepada surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan memaklumkan kelulusan permohonan pembiayaan Pelanggan

2. KONSEP DAN ATURAN SYARIAH

i) **Fasiliti ini adalah berdasarkan konsep Syariah Murabahah, Tawarruq, Wa'd dan Wakalah**

Tawarruq merujuk kepada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan komoditi oleh penjual kepada pembeli secara tertangguh. Selepas itu, pembeli penjualan pertama akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan spot.

Murabahah merujuk kepada kepada penjualan dan pembelian komoditi di mana kos perolehan dan penambahan harga dinyatakan kepada pelanggan.

Wa'd ialah akujanji sebelah pihak yang merujuk kepada suatu ekspresi komitmen yang diberi oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.

Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak selaku prinsipal (muwakkil) melantik pihak lain sebagai ejen/wakil untuk melaksanakan tugas tertentu. Dalam Fasiliti ini, Pelanggan melantik Bank sebagai ejen untuk melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq.

ii) **Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian**

Pelanggan akan membuat permintaan dan memberi suatu akujanji ("**Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian**") untuk membeli suatu Komoditi yang dikenal pasti daripada Bank pada Harga Jualan Bank. Harga Jualan Bank berdasarkan formula berikut:

Keuntungan: Kos Komoditi (bersamaan dengan Amaun Fasiliti yang diluluskan) x Kadar Keuntungan x Tempoh

Jumlah tepat keuntungan yang perlu dibayar oleh Pelanggan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan di dalam Surat Kelulusan.

Berhubungan dengan Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian tersebut, Bank (atas kapasitinya sendiri) akan membeli Komoditi daripada pembekal komoditi.

iii) **Pelantikan Bank selaku Wakil**

Pelanggan melantik Bank sebagai Wakilnya untuk menjual Komoditi dan menandatangani Kontrak Jualan Murabahah bagi pihaknya.

Pelantikan Bank selaku wakil Pelanggan hendaklah mengikut Pelantikan Wakil.

Menurut Pelantikan Wakil, jika diminta oleh Pelanggan, Bank bagi pihak Pelanggan akan menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga secara segera dan tunai, dan hasilnya akan dibayar kepada atau untuk manfaat Pelanggan mengikut terma Perjanjian Am ini.

Pelanggan terikat ke atas tindakan dan transaksi yang dimasuki oleh Bank daripada masa ke masa selaku wakilnya di bawah dan menurut terma Pelantikan Wakil.

Pelanggan mengakujanji untuk menanggung rugi Bank daripada setiap dan semua tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin ditanggung oleh Bank natijah daripada melaksanakan tugas Bank sebagai wakil seperti yang dinyatakan di atas dan di dalam Pelantikan Wakil melainkan dan kecuali kerana ta'addi (salah laku), taqdir (kecuaian) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang khusus) oleh pihak Bank.

Walau apapun di dalam Pelantikan Wakil, Bank boleh mengikut budi bicaranya dan pada bila-bila masa, menahan diri, menangguhkan, melewatkan dan/atau enggan bertindak selaku wakil Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun dengan memaklumkan kepada Pelanggan; dan Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang natijah sekalipun yang timbul disebabkan ketidakgiatan olehnya di atas.

iv) **Kontrak Jualan Murabahah**

Bank akan memaklumkan kelulusan Bank terhadap Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian melalui panggilan telefon atau sistem-pesanan-ringkas ("**SMS**") kepada Pelanggan mengenai amaun Fasiliti yang diluluskan, Harga Jualan Bank dan tempoh Fasiliti sebelum melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah.

Setelah Bank membeli Komoditi daripada pembekal komoditi, Bank dan Pelanggan (melalui Bank sebagai wakilnya) akan memasuki Kontrak Jualan Murabahah di mana Bank menjual kepada Pelanggan Komoditi tersebut pada Harga Jualan Bank. Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank Harga Jualan Bank secara bayaran tertangguh.

Kontrak Jualan Murabahah hendaklah dianggap telah dimuktamadkan semasa penyempurnaannya oleh kedua-dua pihak Bank dan Pelanggan; di mana hak milik benefisial ke atas Komoditi (termasuk sebarang waranti, sama ada tersurat atau tersirat di situ) bersekali dengan hak untuk mengambil serahan Komoditi tersebut dan segala risiko serta liabiliti yang terkait dengan Komoditi hendaklah beralih daripada Bank kepada Pelanggan.

Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank atas dasar “seadanya” tertakluk kepada spesifikasi dan kualitinya seperti yang dinyatakan di dalam dokumen identifikasi dan Pelanggan tidak mempunyai sebarang remedi terhadap Bank berhubung dengan kualiti, keadaan, atau sebaliknya berkenaan dengan Komoditi. Pelanggan secara mutlak dan muktamad melepaskan sebarang hak waranti dan apa-apa tuntutan liabiliti kerosakan ke atas Komoditi terhadap pihak Bank.

Sekiranya Pelanggan ingin mengambil serahan Komoditi tersebut, Pelanggan akan menanggung sendiri ke semua kos dan perbelanjaan (termasuk takaful/insurans) untuk menerima Komoditi tersebut.

Bank akan menyimpan sijil identifikasi dan pemilikan Komoditi sebagai amanah untuk manfaat Pelanggan sebelum penjualan selanjutnya kepada pembeli pihak ketiga termasuk Bursa Suq Al-Sila’ oleh Bank yang bertindak sebagai wakil Pelanggan mengikut Pelantikan Wakil.

Sekiranya diminta secara bertulis, Pelanggan berhak memeriksa dan/atau mendapatkan salinan fotokopi sijil identifikasi dan pemilikan Komoditi tersebut.

Jika Pelanggan berhasrat untuk menjual Komoditi tersebut di pasaran kepada pihak ketiga untuk tunai dan secara segera (on spot basis), Pelanggan boleh melantik Bank sebagai wakilnya untuk melaksanakan transaksi tersebut bagi pihak Pelanggan menurut Pelantikan Wakil.

Kontrak Jualan Murabahah boleh ditamatkan oleh Bank atau Pelanggan disebabkan oleh pelanggaran terma khusus atau menurut kepada dan atas terma-terma yang dipersetujui di antara Bank dan Pelanggan di mana, Komoditi akan dipulangkan kepada Bank dan Harga Jualan Bank (ditolak rebat) akan dipulangkan kepada Pelanggan. Sekiranya Komoditi telah dijual kepada pembeli Komoditi, amaun yang bersamaan dengan nilai Komoditi akan dipulangkan kepada Bank.

v) Format yang ditentukan oleh Bank

Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian, Kontrak Jualan Murabahah dan Pelantikan Wakil hendaklah disempurnakan dalam format yang ditentukan oleh Bank.

vi) Yuran Dagangan

Yuran Dagangan berkaitan dengan pembelian dan penjualan Komoditi untuk Kemudahan ini akan ditanggung oleh Bank (melainkan jika Bank menyatakan sebaliknya). Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i adalah sebahagian daripada Perjanjian Am ini dan Fasiliti ini

adalah tertakluk kepada terma dan syarat kedua-dua dokumen tersebut.

3. BAYARAN BULANAN BAGI HARGA JUALAN BANK

- i) Bayaran Bulanan hendaklah dibayar oleh Pelanggan mengikut bilangan ansuran bulanan yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan.
- ii) Setiap ansuran selanjutnya hendaklah dibayar pada tarikh yang dipersetujui pada setiap bulan kalendar berturut-turut sehingga seluruh Harga Jualan Bank dan semua wang lain yang telah dijanjikan akan dibayar oleh Pelanggan di bawah Perjanjian Am ini, yang seterusnya dirujuk sebagai “hutang”, telah dibayar sepenuhnya dan diselesaikan.
- iii) Semua bayaran hendaklah dibuat kepada Bank dengan sepenuhnya tanpa menolak selesai dan sebarang penolakan lain untuk cukai atau sebarang penahanan.
- iv) Jika undang-undang memerlukan potongan daripada sebarang bayaran, Pelanggan hendaklah menambahkan bayarannya untuk memastikan bahawa amaun bersih yang diterima oleh Bank adalah bersamaan dengan amaun yang patut diterima oleh Bank, seandainya potongan ini tidak dilakukan.
- v) Apa-apa bayaran yang diterima dari Pelanggan akan diaplikasikan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- vi) Bayaran Bulanan dan tempoh ansuran Fasiliti tidak boleh diubah oleh Pelanggan tanpa kebenaran pihak Bank.
- vii) Pelanggan berakujanji untuk membuat pengaturan yang memuaskan bagi pembayaran Fasiliti ini menurut Perjanjian Am ini walaupun berada di luar Malaysia untuk sebarang tempoh masa.
- viii) Sekiranya Bank dan Pelanggan bersetuju bahawa Bayaran Bulanan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 Perjanjian Am ini akan dibuat secara potongan gaji melalui Badan Potongan Gaji, Pelanggan bersetuju untuk membuat Bayaran Bulanan bermula pada hari dan bulan yang ditetapkan oleh Bank selepas pengeluaran Fasiliti di mana bulan-bulan sebelum Bayaran Bulanan ditetapkan bermula akan dianggap sebagai “Tempoh Tanggahan”.
- ix) Pelanggan bersetuju dan memahami bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak mempunyai

kuasa ke atas potongan gaji yang dilakukan melalui Badan Potongan Gaji dan Pelanggan akan merujuk sebarang pertanyaan dan masalah berkaitan potongan gaji tersebut secara terus dengan Badan Potongan Gaji. Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Pelanggan mestilah membuat Bayaran Bulanan terus kepada Bank: -

- a. Sehingga potongan gaji melalui Badan Potongan Gaji berkuatkuasa; dan/atau
- b. Sekiranya potongan gaji tersebut tidak dikirimkan kepada atau tidak diterima oleh pihak Bank atas apa-apa alasan sekalipun.

x) Bagi Pelanggan Biro Perkhidmatan Angkasa ("BPA"), Bayaran Bulanan akan dikenakan yuran bulanan BPA sebanyak 2% yang dikira dari Bayaran Bulanan.

xi) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Bank akan mengenakan keuntungan bagi Tempoh Tangguhan ke atas Fasiliti. Jumlah keuntungan tersebut akan diselaraskan ke dalam Bayaran Bulanan mengikut tempoh pembiayaan.

4. SYARAT TERDAHULU PEMBAYARAN AMAUN FASILITI

- i) Dokumen sokongan yang diperlukan oleh Bank dan/atau Badan Potongan Gaji telah disempurnakan termasuklah dokumen Pelantikan AmBank Islamic Berhad sebagai Wakil Belian dan Jualan.
- ii) Pelanggan telah mematuhi semua terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Am ini.
- iii) Melainkan ditetapkan sebaliknya oleh Bank, pelanggan adalah bebas mengambil perlindungan takaful untuk jumlah tidak kurang daripada Amaun Fasiliti dengan mana-mana syarikat takaful atau yang dilantik oleh pihak Bank di mana pihak Bank adalah benefisiari sepanjang tempoh Fasiliti.
- iv) Apa-apa syarat terdahulu yang dianggap perlu oleh Bank dari semasa ke semasa.
- v) Penyempurnaan transaksi-transaksi Murabahah Tawarruq seperti mana yang diperincikan di dalam Klausula 2.

5. PEMBAYARAN AMAUN FASILITI

Setelah memenuhi semua terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Am ini, pembayaran Amaun Fasiliti selepas ditolak apa-apa jua perbelanjaan

yang berkaitan akan dibuat terus oleh Bank ke dalam akaun Pelanggan.

6. CAJ LEWAT BAYAR

- i) Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada Pelanggan caj lewat bayar bagi kegagalan Pelanggan untuk membuat:
 - a. Bayaran Bulanan tertunggak dan/atau jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh Pelanggan kepada Bank; dan/atau
 - b. pembayaran selepas tarikh matang atau pembatalan Fasiliti,

Pada kadar yang dinyatakan seperti di bawah:

Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1) Sebelum tarikh matang	1% setahun dikira atas dasar baki harian.	<ol style="list-style-type: none"> i. Bayaran Bulanan tertunggak, akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh Bayaran Bulanan tertunggak dan/atau; ii. Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.
2) Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian.	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.
3) Apabila Bank telah mendapat	Pada Kadar IIMM setahun yang	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman, caj

penghakiman terhadap Pelanggan	dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.	lewat bayar eperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.
--------------------------------	--	--

Nota:

1. Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
 2. Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak.
 3. Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
 4. Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi.
 5. Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.
- ii) Hak untuk untuk Tolak-selesai: Pihak Bank berhak menolak selesai baki belum jelas dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit di dalam mana-mana akaun anda bersama kami. Walau bagaimanapun, tolak-selesai harus dimaklumkan kepada Pelanggan tujuh (7) hari sebelum tolak-selesai tersebut.
- iii) Bank mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda. Tindakan undang-undang yang dikenakan akan mempengaruhi penarafan kredit anda dan menyebabkan permohonan kredit pada masa hadapan lebih sukar atau lebih tinggi kosnya.

7. IBRA' (REBAT)

Bank akan memberi *ibra'* (rebat), sekiranya ada, ke atas baki Harga Jualan Bank yang masih belum dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan situasi berikut:

- i) Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan dikira berdasarkan kadar efektif adalah lebih rendah daripada kadar siling.
- ii) Berdasarkan kepada penyelesaian penuh baki Harga Jualan Bank oleh Pelanggan dalam situasi berikut:
 - a. Penebusan atau prabayaran Fasiliti.
 - b. Disebabkan penstrukturan semula Fasiliti.
 - c. Keingkaran Pelanggan.

- d. Dalam situasi penamatan atau pembatalan Fasiliti sebelum tarikh matang.

Ibra' (rebat) akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia: -

$Ibra' \text{ (rebat)} = \text{keuntungan tertunda} - \text{caj penyelesaian awal}$

8. PENYELESAIAN AWAL

Tertakluk kepada pemberian satu (1) bulan notis bertulis kepada Bank, Pelanggan boleh membuat penyelesaian awal Jumlah Keberhutangan yang belum dijelaskan, sepenuhnya atau sebahagian, yang mana notis tersebut tidak boleh dibatalkan dan Pelanggan hendaklah membuat penyelesaian awal pada tarikh yang ditetapkan di dalam notis.

9. KEJADIAN INKAR

Bank berhak menamatkan Fasiliti pada bila-bila masa dan menuntut bayaran penuh bagi semua Jumlah Keberhutangan secara terus daripada Pelanggan sekiranya salah satu daripada kejadian berikut berlaku:-

- i) Pelanggan gagal membuat mana-mana Bayaran Bulanan apabila tiba tarikh patut bayar atau menjadi bankrap atau tidak mampu untuk membayar atau penghakiman telah diperolehi terhadap Pelanggan oleh pihak ketiga;
- ii) Penerima atau pemegang amanah dilantik untuk mengambil alih pemilikan harta benda Pelanggan atau apa-apa pelaksanaan kebangkrapan telah diambil terhadap harta benda Pelanggan;
- iii) Terjadi keingkaran pada mana-mana perjanjian yang melibatkan pinjaman wang, pembiayaan atau pendahuluan kredit kepada Pelanggan oleh mana-mana pemiutang lain yang memberikan hak kepada pemiutang berkenaan (termasuk Bank) untuk menarik balik Fasiliti atau mempercepatkan bayaran atau menarik balik pendahuluan kredit;
- iv) Keingkaran terhadap mana-mana terma dan syarat di dalam Perjanjian Am ini;
- v) Pelanggan meninggal dunia, diisytiharkan bankrap atau menjadi tidak siuman;
- vi) Pelanggan bersara, berhenti atau tamat perkhidmatan dengan majikan sekarang atau potongan gaji bulanan pembiayaan terhenti atau terjejas;



- vii) Mana-mana dokumen sekuriti dan/atau dokumen sokongan tidak boleh disempurnakan atau menjadi tidak sah atas apa-apa alasan sekalipun;
- viii) Perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menyebabkan satu kesalahan kepada Bank untuk terus menyediakan Fasilitas ini kepada Pelanggan;
- ix) Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang pada pendapat Bank memudaratkan kemampuan Pelanggan untuk melaksanakan sebarang kewajipan yang terkandung di sini dan/atau mana-mana sekuriti dan/atau dokumen sokongan;
- x) Sekiranya pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan terbatal, tertarik balik ataupun ditarik balik oleh Pelanggan dalam/akibat apa jua keadaan sekalipun; atau
- xi) Sekiranya pihak Bank telah terhalang daripada memproses apa-apa maklumat atau data yang telah diberikan kepadanya oleh Pelanggan.
- xii) Tanpa mengambil kira perkara di atas, Bank berhak menamatkan Fasilitas menurut budi bicara pada bila-bila masa termasuk sebelum penggunaan Fasilitas jika difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada Pelanggan, walaupun pada keadaan biasa, hak ini dijangka tidak akan dilaksanakan.
- iv) Bank Negara Malaysia/pihak berkuasa tertentu lain yang bertindak di bawah kuasa-kuasa yang diberi di bawah mana-mana undang-undang terpakai;
- v) syarikat takaful, perunding takaful, broker, pelaras kerugian menurut mana-mana sijil takaful yang diperoleh oleh pihak Bank atau menurut apa-apa tuntutan yang akan dibuat oleh Bank di bawah sijil takaful sedemikian berhubung dengan Fasilitas;
- vi) tujuan apa-apa tindakan/prosiding undang-undang yang difailkan terhadap Bank oleh mana-mana pihak ketiga yang berkaitan dengan Fasilitas;
- vii) polis/pihak berkuasa penyiasat yang lain, bagi tujuan penyiasatan mereka berkenaan dengan apa-apa jenayah (termasuk apa-apa aktiviti penggubahan wang haram dan aktiviti pembiayaan keganasan) sama ada oleh Pelanggan atau sebaliknya;
- viii) polis/pihak berkuasa penyiasat yang lain bagi tujuan membuat laporan berkenaan oleh pihak Bank dan penyiasatan padanya, jika pihak Bank berpendapat bahawa suatu jenayah telah dilakukan polis/pihak berkuasa penyiasat lain boleh membantu Bank untuk menghalang/mendapatkan balik kerugian yang ditanggung oleh Bank/untuk mencegah jenayah;

10. PENDEDAHAN MAKLUMAT

Pelanggan memberi kebenaran penuh kepada pihak Bank untuk mendedahkan, mengikut budi bicara pihak Bank, semua atau apa-apa maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan Fasilitas dan Pelanggan kepada/untuk: -

- i) waris terdekat bagi Pelanggan yang sudah meninggal dunia/peguam yang mewakili waris terdekat yang berniat untuk memohon perintah mahkamah berhubung dengan Fasilitas;
- ii) pentadbir/wasi/benefisiari bagi Pelanggan yang sudah meninggal dunia yang telah memohon perintah mahkamah berhubung dengan Pelanggan yang sudah meninggal dunia dan kepada Peguam yang mewakili mereka;
- iii) peguam yang mewakili mana-mana pihak yang telah memperoleh perintah mahkamah berhubung dengan Fasilitas, sama ada perintah mahkamah memberi kebenaran secara khusus atau tidak untuk membuat pendedahan maklumat dan dokumen Fasilitas;
- ix) badan berkanun, agensi dan jabatan kerajaan dalam melaksanakan fungsi dan tugas mereka;
 - a. vendor Bank untuk tujuan pemerolehan apa-apa produk dan perkhidmatan oleh Bank (jika dikehendaki begitu);
 - b. mana-mana pembekal perkhidmatan luar/pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh Bank;
- x) mana-mana pihak yang pada masa hadapan mungkin menyatakan hasrat untuk mendapatkan apa-apa kepentingan/pegangan saham dalam Bank/menurut mana-mana pengaturan, komposisi, penggabungan, pemerolehan/penyusunan semula yang dicadangkan antara Bank dan pihak-pihak sedemikian;
- xi) juruaudit luar, peguam luar, ejen kutipan hutang, perunding luar dan penasihat profesional luar bank dan kepada mana-mana orang atau syarikat yang menyediakan kepada Bank mana-mana perkhidmatan dan kepakaran yang berkaitan dengan perundangan, perakaunan, pengauditan, kredit, pentadbiran, pemprosesan, pengurusan data atau

khidmat nasihat lain dan Kumpulan AmBank, seperti yang mungkin dikehendaki dalam pelaksanaan fungsi, tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna kepada Bank dan Kumpulan AmBank;

- xii) syarikat-syarikat yang mungkin pada masa hadapan menjadi syarikat subsidiari, syarikat berkaitan atau syarikat bersekutu Bank;
- xiii) mana-mana pihak ketiga, seperti yang tersirat atau yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang terpakai;
- xiv) mana-mana pihak ketiga yang difikirkan sesuai oleh Pihak Bank dengan mengambil kira kepentingan awam, pengatahan penipuan/pemalsuan/apa-apa jenayah yang dikatakan dilakukan melalui Fasiliti oleh Pelanggan.
- xv) Badan Potongan Gaji bagi urusan pemotongan gaji.

Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa sekiranya apa-apa prosiding undang-undang dimulakan oleh Bank terhadap Pelanggan berdasarkan Fasiliti, sama ada untuk mendapatkan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar kepada Bank atau sebaliknya, Pelanggan bersetuju, membenarkan dan mengizinkan Bank untuk mendedahkan butiran, maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan dan kertas guaman yang berkaitan dengan prosiding undang-undang tersebut kepada mana-mana agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2009.

11. KLAUSA PRIVASI

- i) Pelanggan mengesahkan bahawa dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang terdapat di www.ambankgroup.com) dan klausa di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemrosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelak keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut adalah dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Klausa Privasi di dalam Perjanjian Am ini.
- ii) Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan keluarga terdekat dan tanggungan mereka untuk tujuan pembukaan atau menjalankan Fasiliti dengan pihak Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan pihak Bank, Pelanggan perlu:
 - a. mengesahkan bahawa telah memperolehi kebenaran atau sebaliknya berhak untuk

memberikan maklumat kepada pihak Bank dan untuk kegunaan pihak Bank selaras dengan Perjanjian Am ini;

- b. bersetuju dan memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
 - c. bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
 - d. bersetuju terhadap hak pihak Bank untuk menamatkan Fasiliti sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- iii) Pihak Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pelanggan melalui pelbagai saluran, termasuklah telefon, e-mel, pesanan elektronik/bergerak, faksimili atau pos, menggunakan maklumat perhubungan yang telah diberikan oleh Pelanggan.
 - iv) Arahan bertulis yang terkini daripada Pelanggan akan terpakai.
 - v) Pihak Bank mungkin menggunakan agensi laporan kredit dalam membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila pihak Bank perlu:
 - a. Menyemak butiran bagi permohonan Fasiliti, pembiayaan dan berkaitan pembiayaan lain yang diberikan kepada Pelanggan;
 - b. mengurus dan menyemak Fasiliti; dan/atau
 - c. menuntut bayaran tertunggak.
 - vi) Pelanggan akan dipautkan dengan agensi laporan kredit kepada nama lain yang digunakan Pelanggan atau mungkin telah digunakan, dan mana-mana pemohon secara bersama dan berasingan. Pihak Bank mungkin juga akan berkongsi maklumat mengenai Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan Fasiliti dengan agensi laporan kredit yang berkaitan.
 - vii) Walaupun Pelanggan telah memberikan maklumat kepada pihak Bank, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dahulu. Dalam keadaan sedemikian, pihak Bank berhak untuk tidak memberikan atau menghentikan peruntukan Fasiliti yang dipautkan dengan maklumat yang material.
 - viii) Pihak Bank berhak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis

sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

- ix) Seksyen ini adalah tanpa prejudis kepada klausa 10 di dalam Perjanjian Am ini bagi Pendedahan Maklumat.

12. CAJ GUAMAN DAN KOS-KOS LAIN

- i) Semua caj dan perbelanjaan sampingan berkaitan dengan penyediaan dan penyempurnaan pembiayaan perlu dibayar oleh Pelanggan walaupun Pelanggan gagal menyempurnakan apa-apa dokumen pembiayaan dan/atau menggunakan Fasiliti ini.
- ii) Pelanggan perlu membayar perbelanjaan berkaitan dengan Fasiliti ini termasuk fi peguamcara Bank sekiranya perlu untuk menuntut apa-apa amaun yang tertunggak atau perlu dibayar oleh Pelanggan melalui mana-mana proses undang-undang. Apa-apa caj yang akan dikenakan dibawah Perjanjian Am ini adalah tertakluk kepada garis panduan-garis panduan BNM.

13. PENEPIAN SYARAT-SYARAT TERDAHULU

Dengan ini diakui dan dimaklumkan bahawa apa-apa syarat terdahulu yang terkandung di dalam Perjanjian Am ini untuk manfaat Bank boleh diketepikan sama ada sepenuhnya atau sebahagian oleh Bank tanpa menjejaskan haknya dan penepian tersebut tidak menjejaskan hak Bank untuk memastikan bahawa Pelanggan mematuhi mana-mana syarat terdahulu yang diketepikan pada masa akan datang.

14. PEMBAHAGIAN

Bank berhak membahagikan apa-apa bayaran yang diterima daripada Pelanggan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian untuk bayaran Amaun Fasiliti, keuntungan atau jumlah lain yang belum dibayar dan perlu dibayar mengikut turutan yang dianggap wajar oleh Bank.

15. KEBERASINGAN

Pada bila-bila masa sepanjang tempoh Fasiliti, sebarang peruntukan yang terkandung di dalam Perjanjian Am ini menjadi tidak sah, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang atau menurut mana-mana penentuan yang dibuat atau diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, tidak akan membatalkan dengan apa cara sekalipun peruntukan lain yang terdapat di dalam Perjanjian Am ini.

16. PENGECUALIAN

Dengan tidak menyentuh mana-mana peruntukan, kegagalan atau kelewatan bagi pihak Bank dalam melaksanakan mana-mana hak, kuasa atau remedinya di bawah terma-terma Perjanjian ini tidak akan dianggap sebagai pengecualian dan tidak akan menjejaskan mana-mana hak, kuasa atau remedi tersebut.

17. MASA

Masa, apabila dinyatakan, menjadi intipati dalam semua transaksi di bawah Fasiliti ini.

18. TIADA PENOLAKAN, PENYELESAIAN OLEH PELANGGAN

Semua bayaran yang dilakukan oleh Pelanggan adalah tanpa sebarang penolakan, penyelesaian atau tuntutan balas.

19. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Pelanggan dengan ini mengisytiharkan kepada pihak Bank bahawa tiada di kalangan ibu, bapa, suami atau isteri dan anak-anak Pelanggan merupakan kakitangan pihak Bank. Pelanggan dengan ini beraku janji bahawa Pelanggan akan mengisytiharkan secara bertulis kepada pihak Bank sekiranya ibu, bapa, suami atau isteri dan anak-anak Pelanggan menjadi kakitangan pihak Bank pada masa akan datang.

20. VARIASI PADA TERMA

Bank boleh, tertakluk kepada Prinsip Syariah meminda atau mengubah mana-mana peruntukan Perjanjian Am ini dengan pemberitahuan bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan atau melalui mana-mana cara yang difikirkan sesuai oleh Bank. Sekiranya selepas dua puluh satu (21) hari kalendar, pemberitahuan notis bertulis berkenaan dengan pindaan dan penggubalan mana-mana peruntukan Perjanjian Am dikeluarkan oleh Pihak Bank dan Pelanggan masih mengekalkan Fasiliti ini, Pelanggan akan dianggap menerima pindaan dan penggubalan tersebut.

21. AKAUN TERGANTUNG

Wang yang diterima di bawah akaun ini akan disimpan di dalam akaun tergantung tanpa sebarang pendapatan selama mana yang dianggap wajar oleh Bank. Bank juga tidak bertanggungjawab untuk menggunakan wang tersebut untuk membayar apa-apa wang atau liabiliti yang terhutang oleh Pelanggan.

22. WARIS TERIKAT

Perjanjian Am ini adalah terikat ke atas Pelanggan, warisnya, wakil diri dan pengganti (sekiranya terpakai)

dan hendaklah dikuatkuasakan oleh dan untuk kepentingan Bank dan penggantinya.

23. NOTIS

- i) Sebarang tuntutan atau notis kepada Pelanggan di bawah Perjanjian Am ini hendaklah secara bertulis dan boleh ditandatangani oleh pengurus besar, pengurus, atau pegawai Bank yang diberi kuasa atau mana-mana peguamcara atau firma guaman yang bertindak untuk Bank.
- ii) Tuntutan atau notis (termasuklah tetapi tidak terhad kepada writ saman dan tuntutan perundangan) boleh dihantar kepada Pelanggan melalui pos biasa atau dihantar secara penghantaran peribadi ke alamat Pelanggan yang dinyatakan di dalam permohonannya atau tempat perniagaan, pekerjaan atau kediaman Pelanggan yang biasa atau terakhir diketahui.
- iii) Sebarang tuntutan atau notis tersebut jika dihantar melalui pos hendaklah dianggap telah diterima oleh Pelanggan lima (5) hari selepas diposkan dan penghantaran melalui penghantaran peribadi dianggap diterima apabila masa penghantaran, walaupun tuntutan atau notis tersebut dipulangkan semula kerana tidak dihantar atau tidak dituntut.
- iv) Sebarang notis yang perlu diberikan di bawah Perjanjian Am ini kepada Bank hendaklah secara bertulis dan mesti ditandatangani oleh Pelanggan. Notis tersebut boleh dihantar kepada Bank melalui pos berdaftar atau dihantar secara penghantaran peribadi kepada Bank di alamat yang dinyatakan di sini atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan dan akan hanya dianggap telah dihantar kepada Bank pada tarikh penerimaan sebenar oleh Bank.
- v) Sebarang surat tuntutan, notis, pernyataan, peringatan atau sijil (selepas ini pada umumnya dirujuk sebagai “**Dokumen Tersebut**”) yang diberikan oleh Bank tidak memerlukan tandatangan mana-mana pegawai Bank di mana ia telah dinyatakan di dalam Dokumen Tersebut bahawa ia adalah dijana oleh komputer dan tidak memerlukan sebarang tandatangan.

24. KESAN KEINGKARAN

Tanpa mengambil kira terma-terma pembayaran di atas, sekiranya terdapat sebarang keingkaran terhadap mana-mana akaun, perjanjian dan/atau fasiliti bersama Bank atau mana-mana pihak yang pada hemat Bank, mampu menjejaskan kemampuan Pelanggan untuk

memenuhi tanggungjawab Pelanggan terhadap Fasiliti ini, Bank berhak untuk menuntut pembayaran penuh terhadap mana-mana jumlah wang yang masih terhutang kepada Bank dan/atau melaksanakan apa-apa langkah yang terkandung di sini dengan sewajarnya.

25. PERCANTUMAN DAN PENGGABUNGAN AKAUN

Bank dengan ini berhak untuk menggabungkan atau mencantumkan mana-mana akaun dan/atau Fasiliti di mana-mana sahaja berserta segala liabiliti, tanggungjawab dan sekuriti Pelanggan terhadap Bank dan menggunakan kesemuanya, termasuk sebarang wang di dalam simpanan Bank atau melalui skim potongan gaji Badan Potongan Gaji untuk menyelesaikan sebarang keberhutangan (“**Keberhutangan**”) dan tanggungjawab Pelanggan terhadap Bank.

26. HAK UNTUK TOLAK SELESAI

Pelanggan bersetuju jika Pelanggan ingkar dalam pembayaran mana-mana Keberhutangan yang perlu dibayar kepada pihak Bank dan/atau Kumpulan AmBank di bawah apa-apa fasiliti yang diberikan oleh pihak Bank dan/atau Kumpulan AmBank, pihak Bank berhak untuk membekukan sejumlah amaun dari baki yang ada di dalam mana-mana akaun peribadi pelanggan dengan Bank yang bersamaan dengan jumlah keseluruhan bayaran Keberhutangan dengan memberi sekurang-kurangnya dua puluh satu hari (21) hari kalendar notis kepada Pelanggan untuk melangsaikan bayaran ingkar Keberhutangan.

Jika Pelanggan gagal melangsaikan bayaran Keberhutangan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar tersebut, pihak Bank berhak untuk menolak selesai sepenuhnya mana-mana bahagian baki yang ada di dalam akaun tersebut dengan jumlah penuh bayaran ingkar Keberhutangan.

27. TAKRIF

Tajuk-tajuk yang digunakan di sini hanya untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh digunapakai dalam menterjemahkan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian Am ini.

28. SYARAT-SYARAT LAIN

- i) Pelanggan mengesahkan bahawa beliau tidak bergantung kepada apa-apa perkara yang berkaitan atau wakil pihak Bank yang bermaksud untuk menasihati, membuat representasi atau berjanji dan yang mana ianya tidak dinyatakan secara nyata di dalam Perjanjian Am ini. Meskipun terdapat apa-apa nasihat yang diberikan, Pelanggan bersetuju bahawa nasihat tersebut tidak akan mengikat pihak Bank

atau menjadi hujah pembelaan atau menyokong sebarang tuntutan Pelanggan di dalam mana-mana tindakan perundangan.

- ii) Pihak Bank boleh menggunakan mana-mana hak, kuasa dan/atau remedi yang ada, sama ada yang dinyatakan di sini atau yang diberikan kepada pihak Bank oleh undang-undang walaupun selepas penangguhan. Semua hak dan kuasa pihak Bank di bawah undang-undang atau ekuiti boleh digunakan meskipun hak dan kuasa tersebut bertindih dengan hak dan kuasa yang diberikan di bawah Perjanjian Am ini. Sekiranya pihak Bank tidak membuat apa-apa tindakan bila mana pihak Bank berhak untuk berbuat demikian, ini tidak bermaksud bahawa pihak Bank:
 - a. telah bersetuju terhadap keingkaran Pelanggan; atau
 - b. telah melepaskan; atau
 - c. ditegah daripada mengambil apa-apa tindakan kemudian.
- iii) Bila mana pihak Bank secara nyatanya telah mengetepikan keingkaran Pelanggan, ini tidak akan mencatitkan hak, kuasa dan remedi pihak Bank bagi sebarang keingkaran lain yang dilakukan oleh Pelanggan sama ada yang berlaku sebelum atau selepas penepian tersebut.

29. AKTA CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN 2018

Melainkan diperuntukan sebaliknya di dalam Perjanjian Am ini, pihak-pihak bersetuju bahawa apa-apa yuran atau caj dan wang lain yang kena dibayar di bawah Perjanjian Am ini adalah termasuk Cukai sebagaimana yang terpakai di bawah peruntukan undang-undang.

30. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

30.1 Pelanggan mengakui dan menjamin bahawa:

- (a) melainkan jika dan sehingga Pelanggan memaklumkan kepada Bank sebaliknya secara bertulis:
 - i. pelanggan adalah prinsipal untuk Fasiliti ini;
 - ii. selain daripada Pelanggan, tiada siapa yang mempunyai atau akan mempunyai apa-apa kepentingan dalam Fasiliti ini
 - iii. ke semua wang yang akan dibayar kepada Bank, akan datang daripada sumber kegiatan yang sah dan bukannya aktiviti yang menyalahi undang-undang, seperti yang

ditakrifkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram, 2001 (“**AMLATFA**”).

- (b) apabila dimaklumkan bahawa Pelanggan adalah perantara bagi orang lain:
 - i. Bank boleh meminta, dan Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk memberikan pengesahan identiti benefisiari dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Bank, termasuk namun tidak terhad kepada salinan yang diperakui sah bagi apa-apa kebenaran untuk bertindak atau dokumen yang boleh diminta bagi tujuan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan, yang mana salinannya boleh disimpan oleh pihak Bank;
 - ii. Pelanggan selanjutnya mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa pemeriksaan “know-your-customer” yang diperlukan telah dijalankan termasuk namun tidak terhad kepada identiti, kewujudan, alamat dan jenis perniagaan benefisiari, ia disahkan oleh Pelanggan bahawa wang atau dana adalah daripada sumber aktiviti yang sah dan bukannya aktiviti haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA; dan
 - iii. selanjutnya dengan ini dipersetujui dengan jelas dan difahami bahawa peruntukan butir-butir benefisiari Pelanggan tidak akan menjadikan benefisiari sebagai pelanggan Bank dan Bank berhak untuk menganggap Pelanggan sebagai prinsipal.

30.2 Sebagai tambahan kepada Klausula 30.1 (a) dan (b) di sini, Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui tanpa syarat bahawa:

- (a) Pelanggan akan mendedahkan dan memberikan kepada Bank apa-apa maklumat yang diperlukan atau dianggap perlu dan pada kepuasan pihak Bank dengan kadar segera menurut tempoh yang ditentukan oleh Bank, sama ada atau tidak untuk tujuan mematuhi undang-undang, perintah, peraturan, arahan dan garis panduan BNM dan atau yang diberikan, dibuat atau diwujudkan oleh pihak Bank;
- (b) Sementara Bank menunggu penerimaan maklumat daripada Pelanggan dan sehingga diterima dan disahkan di mana Bank dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan berpuas hati, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk

meneruskan apa-apa transaksi atau pembayaran atau menerima apa-apa wang atau dana;

- (c) Pelanggan tidak akan menggunakan Fasilitas untuk perubahan wang haram atau melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan perubahan wang haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA; dan
- (d) Bank atau syarikat-syarikat dalam Kumpulan AmBank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian langsung atau tidak langsung, yang berbangkit atau apa jua kerugian sekalipun walau bagaimanapun yang terjadi atau disebabkan Bank melaksanakan tugasnya

di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa, khususnya namun tidak terhad kepada tugas berkanunnya di bawah AMLATFA.

31. UNDANG-UNDANG

Perjanjian Am ini akan dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah undang-undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan tertakluk kepada dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak adalah dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah di Malaysia.

32. HAK UNTUK MENYERAH

Bank berhak tanpa sebarang sekatan apa pun untuk memindah/menyerah hak kepada mana-mana orang lain hak, manfaat dan kepentingan Bank di bawah Perjanjian Am ini.

PERINGATAN: Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Am sebelum menandatangani Perjanjian Am ini. Jika Pelanggan tidak memahami mana-mana terma-terma dan syarat-syarat terkandung di dalam Perjanjian Am ini, Pelanggan dinasihati untuk membincang dengan wakil Bank yang diberikuasa sebelum menandatangani Perjanjian Am ini.

Ditandatangani oleh:

Disaksikan oleh:

Nama :
No. K/P :

Nama :
No. K/P :

BORANG ANTISOGOKAN DAN ANTIRASUAH (INDIVIDU)

Saya dengan ini mengakui bahawa Kumpulan AmBank¹ mempunyai toleransi sifar terhadap segala bentuk sogokan dan rasuah. Saya selanjutnya berakujanji kepada Kumpulan AmBank bahawa saya tidak akan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung menawar, berjanji, meminta daripada dan/atau memberi kebenaran untuk segala bentuk bayaran-bayaran tidak betul, faedah-faedah kewangan, ganjaran-ganjaran atau apa-apa balasan berharga ("Suapan") kepada atau daripada mana-mana pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja, wakil-wakil, agen-agen atau mana-mana orang berkaitan dengan atau di bawah kawalan atau yang bertindak bagi pihak Kumpulan AmBank ("Ejen-Ejen") daripada mana-mana ahli-ahli keluarga saya atau mana-mana pihak-pihak yang bertindak untuk atau mewakili saya sebagai pertukaran untuk pertolongan-pertolongan perniagaan, informasi, layanan menguntungkan, faedah-faedah tidak betul atau manfaat atau dorongan untuk membuat atau tidak membuat sesuatu perkara.

Saya berakujanji untuk memberitahu Kumpulan AmBank dengan kadar segera terhadap apa-apa percubaan oleh mana-mana pihak untuk meminta atau memberi apa-apa Suapan atau meminta atau memberi apa-apa manfaat (sama ada dalam bentuk kewangan atau tidak) kepada atau daripada Kumpulan AmBank dan Ejen-Ejen. Selanjutnya seperti di atas, saya bersetuju dan mengakujanji bahawa:-

- a) Saya telah membaca, memahami dan akan mematuhi dengan sepenuhnya Polisi Amalan Antisogokan dan Antirasuah Kumpulan AmBank ("Polisi ABCP") dan akan memberitahu kepada Kumpulan AmBank dengan kadar segera terhadap apa-apa pelanggaran dan/atau pelanggaran yang disyaki terhadap Polisi ABCP tersebut. Polisi ABCP tersebut boleh didapati di <https://www.ambankgroup.com/eng/Pages/AntiBriberyCorruptPracticesPolicy.aspx>;
- b) Sehubungan dengan Polisi ABCP, saya akan melaksanakan dengan sepenuhnya borang deklarasi antisogokan dan antirasuah Kumpulan AmBank seperti yang dilampirkan di Lampiran, dan mengembalikan salinan yang telah ditandatangani kepada Kumpulan AmBank sebagai rekod;
- c) Saya akan mematuhi dengan tegas berkenaan undang-undang dan peraturan-peraturan terkini di Malaysia berkenaan dengan antisogokan termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 termasuk kesemua akta-akta pindaan; dan
- d) Walau apa pun yang dinyatakan di sini, jika pada bila-bila masa saya atau mana-mana pihak(-pihak) ketiga yang lain yang bertindak untuk atau mewakili saya terlibat di dalam transaksi seperti yang dinyatakan di sini melanggar klausa di sini dan/atau sedang disiasat untuk sogokan dan rasuah, Kumpulan AmBank akan berhak untuk menamatkan apa-apa dan/atau semua perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara Kumpulan AmBank dan saya dengan serta-merta tanpa apa-apa liabiliti dengan notis bertulis kepada saya. Bila ia berlaku, saya akan bertanggungjawab untuk memberi pampasan yang sepenuhnya dan akan membebaskan Kumpulan AmBank dan/atau mana-mana Ejen-Ejen daripada apa-apa tuntutan-tuntutan, kerugian-kerugian, liabiliti-liabiliti, ganti rugi-ganti rugi, penalti-penalti, kos-kos dan perbelanjaan-perbelanjaan bagaimana berbangkit akibatnya.

Sekiranya berlaku percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Borang ini dalam bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Pengakuan dan penerimaan oleh:

Nama:
No. K/P. / No. Pasport:
Tarikh:

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

¹ "Kumpulan AmBank" secara kolektif bermaksud kesemua entiti-entiti tersebut: AMMB Holdings Berhad (No. Pendaftaran: 199101012723 (223035-V)); dan semua syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat-syarikat bersekutu AMMB Holdings Berhad

LAMPIRAN - DEKLARASI

Deklarasi ini dibuat kepada Kumpulan AmBank berhubung dengan pembekalan produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan atau rundingan ("Perjanjian") diantara Kumpulan AmBank dan saya.

Saya, (No. K/P.:) di sini mengesahkan dan mengakui perkara berikut:-

1. Saya telah membaca dan memahami secara keseluruhan peruntukan-peruntukan Polisi Amalan Antisogokan dan Antirasuah Kumpulan AmBank ("Polisi ABCP") dan dengan ini bersetuju bahawa Polisi ABCP ini:-
 - (a) akan membentuk sebahagian penting Perjanjian dan oleh itu akan mengikat secara sah terhadap saya; dan
 - (b) boleh dipinda oleh Kumpulan AmBank dari semasa ke semasa sepertimana yang diberitahu kepada saya oleh Kumpulan AmBank dan pindaan-pindaan tersebut akan dianggap untuk berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan di dalam pemberitahuan tersebut.
2. Selaras dengan terma-terma dan tuntutan-tuntutan Perjanjian dan Polisi ABCP, saya akan pada setiap masa:-
 - (a) mematuhi semua undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan-garis panduan, kanun-kanun, syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang terpakai mengenai antisogokan dan antirasuah dengan sepenuhnya,
 - (b) mematuhi dan menurut kesemua tuntutan-tuntutan dan peruntukan-peruntukan di dalam Polisi ABCP dan polisi lain yang berkenaan dan proses-proses dalaman (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa) bagi Kumpulan AmBank sepanjang tempoh Perjanjian;
 - (c) melakukan penjagaan wajar dan ketelitian wajar bagi mengelakkan apa-apa situasi yang mempunyai konflik kepentingan sebenar dan/atau berpotensi;
 - (d) memberitahu Kumpulan AmBank secara bertulis dengan kadar segera terhadap situasi yang mempunyai konflik kepentingan sebenar dan/atau berpotensi;
 - (e) tidak akan memperoleh kelebihan yang tidak wajar atau layanan istimewa di dalam hubungan saya dengan staf (termasuk kakitangan pengurusan utama) dan ahli-ahli lembaga Kumpulan AmBank;
 - (f) memaklumkan kepada Kumpulan AmBank mengenai hubungan saya dengan staf (termasuk kakitangan pengurusan utama) dan ahli-ahli lembaga Kumpulan AmBank, apabila mempunyai pengetahuan terhadap kewujudan sebarang hubungan, yang mungkin atau boleh mempengaruhi objektiviti perniagaan saya dengan Kumpulan AmBank;
 - (g) (jika berkenaan) membuat perakuan antirasuah terhadap pembayaran-pembayaran tertentu yang dibuat oleh Kumpulan AmBank kepada saya untuk penghantaran barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan; dan
 - (h) (jika berkenaan) tidak memberi gambaran yang salah terhadap keupayaan-keupayaan dan kemahiran-kemahiran saya untuk mendapatkan kontrak perolehan (*procurement contract(s)*) daripada Kumpulan AmBank atau semasa penghantaran barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan saya.

Saya berakujanji untuk memberitahu Kumpulan AmBank dengan kadar segera apa-apa pelanggaran dan/atau dakwaan pelanggaran dan/atau mengesyaki pelanggaran terhadap Perjanjian atau Polisi ABCP dan akan dengan kemampuan saya yang terbaik, bekerjasama dengan Kumpulan AmBank di dalam apa-apa penyiasatan pelanggaran tersebut yang melibatkan staf Kumpulan AmBank atau pun saya.

Saya dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Kumpulan AmBank akan berhak untuk menangguhkan dan/atau menamatkan Perjanjian tanpa apa-apa notis dan selanjutnya menyingkirkan saya daripada memasuki apa-apa hubungan perniagaan dengan Kumpulan AmBank di masa hadapan dan/atau tender bagi kontrak-kontrak di masa hadapan kepada Kumpulan AmBank jika saya telah atau didapati melanggar apa-apa deklarasi-deklarasi yang ditetapkan disini atau jika saya telah melanggar apa-apa terma-terma di dalam Perjanjian.

Saya dengan selanjutnya mengakui dan bersetuju bahawa terma-terma Perjanjian akan terus berkuasa apabila terdapat konflik-konflik diantara Perjanjian dan deklarasi ini bagi tujuan tafsiran, permohonan dan penguatkuasaan terhadap terma-terma Perjanjian.

Sekiranya berlaku percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Deklarasi ini dalam bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Pengakuan dan penerimaan oleh:

Tandatangan
Nama:
No. K/P.:
Tarikh:

Tandatangan saksi
Nama:
No. K/P.:
Tarikh:

CUSTOMER'S COPY
SALINAN PELANGGAN

LEMBARAN PENYATA PRODUK

AmBank Islamic Berhad

Sila baca dan fahami Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Peribadi-i berkonsepkan Murabahah Tawarruq. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma am di sini.

Pembiayaan Peribadi-i berkonsepkan Murabahah Tawarruq (Pembiayaan Peribadi-i MTQ) – BPA

Tarikh :

1. Apakah produk ini?

Produk ini merupakan kemudahan pembiayaan peribadi yang mematuhi konsep Syariah untuk kakitangan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan berkanun yang terpilih yang boleh membuat pemotongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA). Segala urusan pemotongan gaji melalui BPA untuk pembiayaan ini akan diuruskan oleh pihak MCCM Resources Sdn Bhd yang memiliki kod potongan gaji BPA.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Konsep Tawarruq, Murabahah, Wa'd dan Wakalah.

Tawarruq bermaksud satu aturan yang melibatkan dua perjanjian jual beli. Perjanjian jual beli pertama melibatkan penjualan komoditi oleh Bank kepada anda secara pembayaran tertangguh pada kos ditambah keuntungan, di mana harga belian dan harga jualan dimaklumkan kepada anda. Seterusnya, anda, melalui Bank sebagai ejen, akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan segera.

Murabahah merujuk kepada penjualan dan pembelian komoditi secara tertangguh, di mana kos pembelian komoditi dan jumlah keuntungan Bank dimaklumkan kepada anda.

Wa'd ialah akujanji sebelah pihak yang merujuk kepada suatu ekspresi komitmen yang diberi oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.

Wakalah iaitu kontrak di mana satu pihak sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kebenaran kepada pihak yang lagi satu sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang boleh diwakilkan sama ada dikenakan yuran atau tidak. Menurut produk ini, Bank akan menjadi wakil mutlak anda bagi menjalankan aturan Tawarruq.

Aturan urus niaga Murabahah Tawarruq adalah seperti yang berikut:

- Anda meminta Bank untuk membeli komoditi itu daripada pasaran komoditi dan berjanji untuk membeli komoditi daripada Bank (Wa'd). Bank akan membeli komoditi tersebut dengan Harga Belian yang bersamaan dengan Amaun Fasiliti.
- Anda melantik Bank sebagai ejen untuk membeli komoditi patuh Syariah seperti Minyak Sawit Mentah (MSM) dan/atau lain-lain daripada pihak Bank; dan juga untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak ketiga.
- Bank menjual komoditi yang dipersetujui kepada anda pada Harga Jualan Bank yang akan anda bayar kepada Bank secara ansuran.
- Sebagai pembeli komoditi, anda berhak untuk mengambil serahan komoditi tersebut dengan kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh anda sendiri.
- Bank menjual komoditi anda bagi pihak anda kepada mana-mana pihak ketiga pada harga belian yang bersamaan dengan Jumlah Fasiliti.
- Hasil jualan komoditi tersebut akan dibayar kepada anda selaras dengan terma dan syarat yang telah dipersetujui.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

Jenis komoditi yang akan digunakan di dalam pembiayaan ini adalah: komoditi patuh Syariah yang didagangkan di platform dagangan yang diluluskan oleh AmBank Islamic Berhad.

- Anggaran Harga Jualan Bank adalah: RM _____
- Jumlah pembiayaan [Amaun Fasiliti] (bersamaan harga jualan komoditi anda di pasaran) dipohon: RM _____
- Kadar keuntungan pembiayaan adalah berdasarkan kadar tetap _____% setahun
- Kadar Keuntungan Efektif _____% setahun
- Tempoh pembiayaan: _____ tahun

4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?

Anggaran Bayaran Bulanan (termasuk Keuntungan Tempoh Tangguhan Yuran Bulanan BPA): RM _____

Nota: Anda hanya perlu membuat bayaran bulanan bermula pada bulan keempat selepas Amaun Fasiliti dikreditkan ke dalam akaun anda.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Duti Setem (seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989))** - Dokumen prinsipal [0.5% daripada Amaun Fasiliti] + RM10 untuk Surat Kelulusan.
- AmMetLife Takaful Berhad [panel takaful AmBank Islamic Berhad]** - Sumbangan Takaful: Tertakluk pada Amaun Fasiliti, tempoh pembiayaan dan umur anda [jika berkenaan].
- Biro Perkhidmatan Angkasa [BPA]** - Yuran Bulanan BPA: 2% daripada bayaran bulanan Bank dan tambahan cukai daripada Yuran Bulanan BPA, akan dikenakan ke atas anda setiap bulan oleh BPA.

Nota: Tidak ada yuran atau caj dikenakan kepada anda bagi khidmat Bank sebagai ejen/wakil.

6. Berapakah jumlah bersih Amaun Fasiliti yang akan anda terima?

Jumlah bersih adalah bersamaan dengan Amaun Fasiliti ditolak (Duti Setem + Sumbangan Takaful [jika berkenaan]).

7. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

- Anda adalah digalakkan untuk mengambil Takaful Pembiayaan Peribadi Tempoh Menyusut ("TPPTM").
- TPPTM memberi perlindungan untuk kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal. Ia boleh dibiayai oleh Bank sebagai sebahagian daripada Pembiayaan Peribadi-i ini ("Fasiliti") untuk membantu anda menjelaskan pembiayaan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

Nota: Bank boleh memberi sebut harga untuk sebarang perlindungan Takaful yang ditawarkan oleh panel Takaful Bank. Walau bagaimanapun, anda bebas untuk memilih perkhidmatan Takaful daripada syarikat Takaful yang lain atau memilih untuk tidak mengambil sebarang perlindungan Takaful.

8. Bagaimana sekiranya saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

a) Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada anda caj lewat bayar (ta'widh) atas kegagalan anda untuk membuat:

- Bayaran bulanan dan/atau jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh anda kepada Bank; dan/atau
- Pembayaran yang tertunggak selepas tarikh matang atau pembatalan Fasiliti.

Caj lewat bayar akan dikira pada kadar yang dinyatakan seperti di bawah:

No	Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1.	Sebelum tarikh matang	1% setahun dikira atas dasar baki harian	<ol style="list-style-type: none">Ansuran tertunggak, di mana ia akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh ansuran tertunggak dan/atau;Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak



2.	Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh
3.	Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap anda	Pada Kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman

Nota:

- Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun
 - Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak iaitu Harga Belian.
 - Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk pada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia
 - Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi
 - Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk pada tempoh berkenaan
- Hak untuk Tolak-selesai: Bank berhak menolak selesai baki belum jelas dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit di dalam mana-mana akaun anda bersama kami. Walau bagaimanapun, tolak-selesai harus dimaklumkan kepada anda.
 - Bank mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda. Tindakan undang-undang yang dikenakan akan mempengaruhi status kredit anda dan menyebabkan permohonan kredit pada masa hadapan lebih sukar atau tinggi kosnya.
 - Bank juga boleh membuat potongan daripada akaun anda dengan Bank bagi menyelesaikan sebarang bayaran yang tertunggak yang mungkin membawa kesan kepada status kewangan anda.

9. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Bank akan memberi rebat (ibra'), jika ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Bank yang masih belum dijelaskan oleh anda berdasarkan situasi berikut:

Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan dikira berdasarkan kadar efektif adalah lebih rendah daripada jumlah kadar siling berdasarkan penyelesaian penuh Fasilitas oleh anda dalam situasi berikut:

- | | |
|---|--|
| i. Penebusan atau prabayaran Fasilitas | iii. Keingkarannya |
| ii. Disebabkan penstrukturan semula Fasilitas | iv. Di dalam situasi penamatan atau pembatalan Fasilitas sebelum tarikh matang |

Rebat akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:-

$$\text{Rebat} = \text{keuntungan tertunda} - \text{caj penyelesaian awal}$$

Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diakui dan dipersetujui bahawa rebat yang disebut di dalam ini tidak akan ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi hendaklah ditunjukkan sebagai pengurangan keuntungan dalam Harga Jualan Bank ini.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tidak

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan segala urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Untuk bantuan, anda boleh :

- Menghubungi Pusat Perkhidmatan kami melalui: +603 2178 8888; atau
- Kunjungi cawangan AmBank Islamic/AmBank yang berhampiran; atau
- Kunjungi Unit Pengurusan Pelanggan di Tingkat 3, Menara AmBank, No. 8 Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur.

12. Bagaimana jika saya ingin mendapatkan sebarang bantuan dan khidmat nasihat?

Sekiranya anda mengalami sebarang kesulitan, sila hubungi kami dengan segera melalui Pusat Perkhidmatan kami di talian: +603 2178 8888.

a) Atau, anda boleh mendapatkan perkhidmatan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu, sila hubungi: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur Tel : +603 2616 7766 E-mel : enquiry@akpk.org.my	b) Sekiranya terdapat sebarang aduan atau pertanyaan berkaitan produk dan perkhidmatan kami, sila hubungi: Pusat Panggilan Bank – One Stop Resolution Tingkat 18, Menara AmBank No. 8, Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur Tel : +603 2178 8888 E-mel : customer-care@ambankgroup.com	c) Sekiranya maklumbalas kami ke atas sebarang aduan dan pertanyaan anda kurang memuaskan, sila hubungi: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Ground Floor, Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel : 1-300-88-5465 Faks : +603 2174 7515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
--	--	---

Sila rujuk kepada risalah produk untuk butiran terperinci seperti ciri-ciri, manfaat, fi dan caj produk yang sedia ada di semua cawangan atau anda juga boleh layari www.ambankislamic.com atau www.bankinfo.com.my

13. Adakah terdapat kemudahan Pembiayaan Peribadi lain yang disediakan?

Selain daripada Fasilitas ini, AmBank Islamic Berhad juga ada menawarkan kemudahan pembiayaan Fasilitas AmMoneyline-i.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Penyataan Produk ini adalah sah mulai 1 Oktober 2021 sehingga kemaskini yang seterusnya. Semua pengiraan dan maklumat adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua harga / sebut harga yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah tidak termasuk cukai yang mana jika berkenaan, hendaklah ditanggung oleh anda.

Penafian: Amaun pembiayaan sebenar yang akan diberi oleh AmBank Islamic Berhad adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic Berhad. Penyampaian Lembaran Penyataan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic Berhad untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya bersetuju, membenarkan dan mengizinkan Bank untuk mendedahkan butir hubungan saya kepada unit perniagaan Bank yang lain, syarikat yang berkaitan dan pembekal khidmat pakar luar mereka untuk mempromosikan dan memasarkan produk dan perkhidmatan yang mungkin mendatangkan faedah kepada saya.

Diakui oleh:	Diuruskan oleh:
Nama: Tarikh:	Nama: Tarikh:

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA SEPERTI SEPATUTNYA.



PRODUCT DISCLOSURE SHEET/ HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	FinanceSecure-i
<p>Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in the FinanceSecure-i Scheme. Be sure to also read the general terms and conditions./ Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai di dalam Skim FinanceSecure-i. Sila pastikan juga untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.</p>	

AmMetLife Takaful Berhad is a licensed family Takaful Operator under the Islamic Financial Services Act 2013 and is regulated by Bank Negara Malaysia./ **AmMetLife Takaful Berhad** ialah Pengendali Takaful keluarga berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. What is this scheme about/ Apakah tujuan skim ini?

This scheme is designed to provide coverage the event of Death or Total and Permanent Disability (TPD) occurs to the participant during the coverage period. Takaful benefits will be used to pay the outstanding personal financing owing to the financier based on table of reducing sum covered of the participant. / Skim ini direka untuk menawarkan perlindungan sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) ke atas peserta semasa tempoh perlindungan. Manfaat takaful akan digunakan untuk membayar pembiayaan kenderaan yang tertunggak kepada bank berdasarkan kepada jadual jumlah perlindungan menyusut peserta.

2. What are the Shariah concepts applicable/ Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- This scheme applies Wakalah (Agency) concept, whereby the Participants appoint AmMetLife Takaful Berhad (the Takaful Operator) to act on Participants' behalf to invest and manage the Participants' Investment Fund (PIF) and Participants' Risk Fund (PRF). Takaful Operator is entitled to a wakalah fee, for managing and investing the funds. / Skim ini menggunakan Kontrak Wakalah (Agensi), di mana Peserta melantik AmMetLife Takaful Berhad (Pengendali Takaful) untuk bertindak bagi pihak Peserta untuk melabur dan menguruskan Dana Pelaburan Peserta (DPP) dan Dana Risiko Peserta (DRP). Pengendali Takaful berhak untuk menerima fi wakalah, bagi mengurus dan melaburkan dana.
- The scheme applies Tabarru' concept, whereby the Participants agree to donate or contribute a specified portion from the PIF to the PRF for the purpose of mutual aid and assistance to the participants in times of misfortunes. / Skim ini menggunakan konsep Tabarru', di mana Peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sebahagian amaun yang ditentukan dari DPP ke dalam DRP bagi tujuan saling membantu dan menolong peserta-peserta lain yang ditimpa musibah.
- Qardh which is an interest-free financing provided by the Takaful Operator in the event of deficit in the PRF. The financing payable shall be settled from future PRF surplus. / Qard adalah pembiayaan tanpa faedah daripada Pengendali Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pembiayaan ini akan dibayar hendaklah diselesaikan daripada lebihan DRP pada masa hadapan.

3. What are the covers / benefits provided/ Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

This scheme provides / Sijil ini menyediakan:

- Death Benefit – Upon death of participant, the reduced sum covered PLUS the value of the Participant Investment Fund (PIF) is payable. / Kematian – Apabila berlaku kematian ke atas peserta, jumlah perlindungan menyusut BERSERTA nilai Dana Pelaburan Peserta (DPP) akan dibayar.
- Total and Permanent Disability (TPD) Benefit – Upon TPD of the participant, the reduced sum covered (when TPD occurs) PLUS the value of the PIF is payable. The amount payable is limited to Ringgit Malaysia Two Million (RM2 million) per participant. The benefit is paid in one lump sum. The benefit on TPD ceases at age sixty-five (65) next birthday. / Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) – Apabila berlaku HUMK ke atas peserta, jumlah perlindungan menyusut BERSERTA nilai DPP akan dibayar. Amaun yang dibayar terhad kepada Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2 juta) setiap peserta. Manfaat HUMK ini tamat pada sehingga umur enam puluh lima (65) tahun pada hari lahir berikutnya.
- If at the end of each financial year, there is a surplus of income over liabilities (net surplus), the surplus shall be distributed in proportion of fifty percent (50%) to the Takaful Operator and fifty per cent (50%) will be distributed to the participant by crediting into the PIF. / Sekiranya pada setiap akhir tahun kewangan, terdapat lebihan pendapatan berbanding tanggungan (lebihan bersih), lebihan tersebut akan diagihkan lima puluh peratus (50%) kepada Pengendali Takaful dan lima puluh peratus (50%) akan diagihkan kepada peserta, dengan mengkreditkan ke dalam DPP.

4. How much contribution do I have to pay / Berapa sumbangan yang perlu saya bayar?

The total contribution that you have to pay and the certificate terms and conditions may vary depending on our underwriting decision / *Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar dan terma-terma dan syarat-syarat sijil mungkin berubah bergantung kepada keperluan pengunderaitan kami:*

- The estimated single contribution that you have to pay/ *Anggaran sumbangan tunggal yang perlu anda bayar adalah : RM*
- Contribution Duration: single contribution at the inception of the certificate/ *Tempoh Sumbangan: sumbangan tunggal pada permulaan sijil.*

5. What are the fees and charges I have to pay/ Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Wakalah Fee: Wakalah fee will deducted from the single contribution paid. The Wakalah fee is used to meet our distribution and management cost, and include commission of 10% of single contribution payable to the financier. Please refer to the Benefit Illustration for amount of wakalah fee payable./ *Fi Wakalah: Fi wakalah akan ditolak daripada sumbangan tunggal yang dibayar. Fi Wakalah digunakan untuk tujuan kos pengedaran dan pengurusan kami, termasuk komisen sebanyak 10% daripada sumbangan tunggal yang perlu dibayar kepada pemiaya. Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat untuk jumlah fi wakalah yang dibayar.*
- Tabarru': The tabarru' amount are deducted monthly from the value of your PIF. The tabarru' amount increase as you grow older. Details of the tabarru' amount and other charges for this plan are illustrated in the Benefit Illustration./ *Tabarru': Amaun tabarru' akan ditolak secara bulanan dari nilai DPP anda. Amaun tabarru' ini akan meningkat berdasarkan umur anda. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam Ilustrasi Manfaat.*
- Surrender Charge: RM100 or 10% of PIF value, whichever is lower./ *Caj Serahan : RM 100 atau 10% daripada nilai DPP, yang mana lebih rendah.*

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of/ Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

- You should satisfy yourself that this scheme will best serve your needs and that the contribution payable under this certificate is an amount you can afford./ *Anda harus berpuashati bahawa skim ini akan membantu keperluan anda sebaik mungkin dan anda mampu membayar sumbangan yang dikenakan.*
- Importance of disclosure - you must disclose all material facts such as medical condition, and state your age correctly./ *Kepentingan membuat pendedahan - anda perlu mendedahkan kesemua fakta penting seperti status kesihatan, serta menyatakan umur dengan tepat.*
- You must complete the proposal form accurately as it forms the basis of your contract./ *Anda harus melengkapkan borang cadangan dengan sebaiknya memandangkan ia akan menjadi asas kepada kontrak anda.*
- If you fail to disclose or wrongly disclose any material information you may not be able to receive any of the entitled benefits. Your contribution and benefit amount may be affected. Your certificate may also be cancelled and all contributions less medical expenses, claims and indebtedness will be refunded to you without profit./ *Sekiranya anda gagal mendedahkan atau silap mendedahkan sebarang maklumat penting anda mungkin tidak layak menerima sebarang manfaat yang sepatutnya. Sumbangan dan jumlah manfaat anda mungkin terjejas. Sijil anda juga boleh dibatalkan dan segala sumbangan ditolak perbelanjaan perubatan, tuntutan dan sebarang amaun yang masih tertunggak akan dikembalikan kepada anda tanpa keuntungan.*
- Free-Look period - you may cancel your certificate by returning the certificate within fifteen (15) days upon receipt of your certificate. The contributions that you have paid (less any medical fee incurred) will be refunded to you./ *Tempoh Rujukan Percuma – anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil tersebut dalam tempoh lima belas (15) hari selepas menerimanya. Sumbangan yang telah dibayar (ditolak sebarang kos perubatan yang telah dikenakan) akan dikembalikan kepada anda.*

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate summary for the terms and conditions under this scheme./ *Nota : Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk terma dan syarat yang tertakluk di dalam skim ini.*

7. What are the major exclusions under this certificate/ Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

This scheme does not cover:

For Death benefit, no benefits are provided on occurrence of the following direct or indirect events or conditions/ Bagi manfaat Kematian, tiada manfaat akan diperuntukkan bagi kejadian berikut yang berlaku secara langsung atau tidak langsung:

- Suicide or attempted suicide, whether sane or insane, within one (1) year of coverage from the Commencement Date; or/ *Bunuh diri atau cubaan bunuh diri, sama ada ketika waras atau tidak waras yang berlaku dalam tempoh satu (1) tahun daripada Tarikh Kuatkuasa; atau*
- Influence of alcohol, narcotics or drugs other than those validly prescribed by a legally qualified medical practitioner; or/ *Dibawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah selain dari yang dipreskripsikan secara sah oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau*
- Death within the first (1st) certificate year as a result of Pre-Existing Illness; or/ *Kematian yang berlaku dalam tahun pertama sijil disebabkan oleh Penyakit Sedia-Ada; atau*
- Death within the first (1st) certificate year as a result of accident occurring prior to the Commencement Date./ *Kematian yang berlaku dalam tahun pertama sijil disebabkan kemalangan yang berlaku sebelum Tarikh Kuatkuasa.*

For TPD benefits, no benefits are provided on occurrence of the following direct or indirect events or conditions/ Bagi manfaat HUMK, tiada manfaat akan diperuntukkan bagi kejadian berikut yang berlaku secara langsung atau tidak langsung:

- Self-inflicted injury or any attempt thereat while sane or insane; or/ *Mencederakan diri sendiri atau sebarang cubaan mencederakan diri yang disengajakan, sama ada waras atau tidak; atau*
- Influence of alcohol, narcotics or drugs other than those validly prescribed by a legally qualified medical practitioner; or/ *Dibawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah selain dari yang dipreskripsikan secara sah oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau*
- TPD within the first (1st) certificate year as a result of Pre-Existing Illness; or/ *HUMK yang berlaku dalam tahun pertama sijil disebabkan oleh Penyakit Sedia-Ada; atau*
- TPD within the first (1st) certificate year as a result of accident occurring prior to the Commencement Date./ *HUMK yang berlaku dalam tahun pertama sijil disebabkan kemalangan yang berlaku sebelum Tarikh Kuatkuasa*

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate contract for the terms and conditions under this scheme./ Nota : Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk terma dan syarat yang tertakluk di dalam skim ini.

8. Can I cancel my certificate/ Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Any written cancellation notice given to us (with agreement from your financier) after free-look period during the coverage period, we will refund the value of PIF less surrender fee any medical fees incurred./ *Sebarang notis pembatalan secara bertulis yang diberi kepada kami (dengan persetujuan dari Pembiaya anda) selepas tempoh rujukan percuma semasa tempoh perlindungan ini, kami akan mengembalikan nilai DPP selepas ditolak fi serahan dan sebarang fi pemeriksaan perubatan yang telah ditanggung.*

9. What do I need to do if there are changes to my contact details/ Apa yang perlu saya lakukan jika ada perubahan dalam butiran perhubungan?

It is important that you inform us of any change in your contact details (including that of the nominee) to ensure that all correspondences reach you or nominee in a timely manner. Our contact details are as below./ *Adalah mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang pertukaran butiran perhubungan (termasuk penama anda) untuk memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda atau penama anda tepat masanya. Butiran perhubungan kami adalah seperti di bawah.*

10. Where can I get further information/ Di mana saya boleh memperoleh maklumat lanjut?

Should you require additional information about family takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on 'Family Takaful', available at all our branches or you can obtain a copy from the takaful agent or visit www.insuranceinfo.com.my./ *Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada risalah insuranceinfo di bawah "Takaful Keluarga" yang boleh didapati di semua pejabat cawangan kami atau anda boleh memperolehinya dari wakil takaful atau melawat www.insuranceinfo.com.my.*

If you have any enquiries, please contact us at/ *Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:*

**AmMetLife Takaful Berhad 201101002936
(931074-V)**

Level 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur.

Customer Care Centre

Level 6, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 22 9777 Fax: (603) 2272 3229
Email: customercare@ammetlifetakaful.com
Homepage: ammetlifetakaful.com

SMS (AmAlert)

Type AMT<space>Message
Send to 33911 (AmAlert)

**AmMetLife Takaful Berhad 201101002936
(931074-V)**

Tingkat 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur.

Pusat Khidmat Pelanggan

Tingkat 6, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 22 9777 Fax: (603) 2272 3229
Emel: customercare@ammetlifetakaful.com
Laman Sesawang: ammetlifetakaful.com

SMS (AmAlert)

Taip AMT<jarak>Mesej
Hantar ke 33911 (AmAlert)

11. Other similar types of cover available/ Lain-lain perlindungan yang sama ditawarkan

Not applicable/ Tidak berkenaan.

IMPORTANT NOTE: / NOTA PENTING:

PARTICIPATING IN A FAMILY TAKAFUL SCHEME IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF CERTIFICATE THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION./ PENYERTAAN DALAM SKIM TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS SIJIL YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERSENDIRIAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at/ *Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini sah pada*

The above essential information on the product has been satisfactorily explained to me/ *Maklumat penting di atas berkaitan dengan produk telah diterangkan dengan memuaskan kepada saya.*

PERJANJIAN AM

PEMBIAYAAN PERIBADI-i MTQ

1. DEFINISI PERKATAAN DAN MAKSUD

“BNM”

Merujuk kepada Bank Negara Malaysia dan termasuk subsidiarinya dan biro yang ditubuhkan olehnya.

“Badan Potongan Gaji”

Merujuk kepada Biro Perkhidmatan Angkasa atau mana-mana badan/jabatan yang bertanggungjawab ke atas pemotongan gaji Pelanggan.

“Bank”

Merujuk kepada AmBank Islamic Berhad [No. Syarikat 199401009897 (295576-U), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur dan termasuklah semua pengganti-dalam-gelaran dan penerima serah hak.

“Pelanggan”

Merujuk kepada pemohon fasiliti seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i yang ditandatangani bersama-sama dengan Perjanjian Am ini dan termasuklah waris, penerima serah hak yang dibenarkan, dan pengganti-dalam-gelaran (mana-mana yang berkenaan).

“Kumpulan AmBank”

Merujuk kepada semua perbadanan berkaitan dan/atau bersekutu dengan i) Bank; ii) syarikat induk Bank; dan iii) syarikat induk muktamad Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, yang sudah wujud pada masa kini atau pada masa akan datang dan rujukan terhadap “Kumpulan AmBank” di dalam Perjanjian Am ini merangkumi ke semua atau sebarang entiti di dalam Kumpulan AmBank.

“Fasiliti”

Merujuk kepada kemudahan pembiayaan peribadi menurut Prinsip Syariah kepada Pelanggan yang telah diluluskan oleh Bank.

“Amaun Fasiliti”

Merujuk kepada amaun keseluruhan Fasiliti yang bersamaan dengan hasil jualan daripada penjualan komoditi kepada pembeli pihak ketiga.

“Bayaran Bulanan”

Merujuk kepada bayaran bulanan Harga Jualan Bank yang perlu dibayar oleh Pelanggan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian Am ini.

“Komoditi”

Merujuk kepada komoditi yang patuh Syariah seperti minyak kelapa sawit mentah atau apa-apa yang sesuai (tidak termasuk barangan ribawi di dalam kategori pertukaran seperti matawang, emas dan perak), didagangkan di atas platform *Bursa Suq al-Sila'* dan/atau mana-mana platform yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

“Harga Jualan Bank”

Merujuk kepada kos Komoditi ditambah keuntungan Bank yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank.

“Jumlah Keberhutangan”

Merujuk kepada Harga Jualan Bank, perbelanjaan, caj dan fi yang perlu dibayar di bawah Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i dan Perjanjian Am ini.

“Pelantikan Wakil”

Merujuk kepada dokumen pelantikan Bank sebagai wakil/ejen Pelanggan berdasarkan konsep wakalah yang dilampirkan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i untuk transaksi Murabahah Tawarruq di bawah Fasiliti ini.

“Prinsip Syariah”

Merujuk kepada prinsip-prinsip pembiayaan Islam sebagaimana yang diterima pakai dan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah Bank.

“Cukai”

Merujuk kepada apa-apa cukai yang berbayar bagi pembekalan barang, perkhidmatan atau benda-benda lain selaras dengan peruntukan undang-undang.

“Surat Kelulusan”

Merujuk kepada surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan memaklumkan kelulusan permohonan pembiayaan Pelanggan

2. KONSEP DAN ATURAN SYARIAH

i) **Fasiliti ini adalah berdasarkan konsep Syariah Murabahah, Tawarruq, Wa'd dan Wakalah**

Tawarruq merujuk kepada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan komoditi oleh penjual kepada pembeli secara tertangguh. Selepas itu, pembeli penjualan pertama akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan spot.

Murabahah merujuk kepada kepada penjualan dan pembelian komoditi di mana kos perolehan dan penambahan harga dinyatakan kepada pelanggan.

Wa'd ialah akujanji sebelah pihak yang merujuk kepada suatu ekspresi komitmen yang diberi oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.

Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak selaku prinsipal (muwakkil) melantik pihak lain sebagai ejen/wakil untuk melaksanakan tugas tertentu. Dalam Fasiliti ini, Pelanggan melantik Bank sebagai ejen untuk melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq.

ii) **Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian**

Pelanggan akan membuat permintaan dan memberi suatu akujanji ("**Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian**") untuk membeli suatu Komoditi yang dikenal pasti daripada Bank pada Harga Jualan Bank. Harga Jualan Bank berdasarkan formula berikut:

Keuntungan: Kos Komoditi (bersamaan dengan Amaun Fasiliti yang diluluskan) x Kadar Keuntungan x Tempoh

Jumlah tepat keuntungan yang perlu dibayar oleh Pelanggan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan di dalam Surat Kelulusan.

Berhubungan dengan Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian tersebut, Bank (atas kapasitinya sendiri) akan membeli Komoditi daripada pembekal komoditi.

iii) **Pelantikan Bank selaku Wakil**

Pelanggan melantik Bank sebagai Wakilnya untuk menjual Komoditi dan menandatangani Kontrak Jualan Murabahah bagi pihaknya.

Pelantikan Bank selaku wakil Pelanggan hendaklah mengikut Pelantikan Wakil.

Menurut Pelantikan Wakil, jika diminta oleh Pelanggan, Bank bagi pihak Pelanggan akan menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga secara segera dan tunai, dan hasilnya akan dibayar kepada atau untuk manfaat Pelanggan mengikut terma Perjanjian Am ini.

Pelanggan terikat ke atas tindakan dan transaksi yang dimasuki oleh Bank daripada masa ke masa selaku wakilnya di bawah dan menurut terma Pelantikan Wakil.

Pelanggan mengakuan untuk menanggung rugi Bank daripada setiap dan semua tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin ditanggung oleh Bank natijah daripada melaksanakan tugas Bank sebagai wakil seperti yang dinyatakan di atas dan di dalam Pelantikan Wakil melainkan dan kecuali kerana ta'addi (salah laku), taqdir (kecuaian) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang khusus) oleh pihak Bank.

Walau apapun di dalam Pelantikan Wakil, Bank boleh mengikut budi bicaranya dan pada bila-bila masa, menahan diri, menangguhkan, melewatkan dan/atau enggan bertindak selaku wakil Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun dengan memaklumkan kepada Pelanggan; dan Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang natijah sekalipun yang timbul disebabkan ketidakgiatan olehnya di atas.

iv) **Kontrak Jualan Murabahah**

Bank akan memaklumkan kelulusan Bank terhadap Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian melalui panggilan telefon atau sistem-pesanan-ringkas ("**SMS**") kepada Pelanggan mengenai amaun Fasiliti yang diluluskan, Harga Jualan Bank dan tempoh Fasiliti sebelum melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah.

Setelah Bank membeli Komoditi daripada pembekal komoditi, Bank dan Pelanggan (melalui Bank sebagai wakilnya) akan memasuki Kontrak Jualan Murabahah di mana Bank menjual kepada Pelanggan Komoditi tersebut pada Harga Jualan Bank. Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank Harga Jualan Bank secara bayaran tertangguh.

Kontrak Jualan Murabahah hendaklah dianggap telah dimuktamadkan semasa penyempurnaannya oleh kedua-dua pihak Bank dan Pelanggan; di mana hak milik benefisial ke atas Komoditi (termasuk sebarang waranti, sama ada tersurat atau tersirat di situ) bersekali dengan hak untuk mengambil serahan Komoditi tersebut dan segala risiko serta liabiliti yang terkait dengan Komoditi hendaklah beralih daripada Bank kepada Pelanggan.

Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank atas dasar “seadanya” tertakluk kepada spesifikasi dan kualitinya seperti yang dinyatakan di dalam dokumen identifikasi dan Pelanggan tidak mempunyai sebarang remedi terhadap Bank berhubung dengan kualiti, keadaan, atau sebaliknya berkenaan dengan Komoditi. Pelanggan secara mutlak dan muktamad melepaskan sebarang hak waranti dan apa-apa tuntutan liabiliti kerosakan ke atas Komoditi terhadap pihak Bank.

Sekiranya Pelanggan ingin mengambil serahan Komoditi tersebut, Pelanggan akan menanggung sendiri ke semua kos dan perbelanjaan (termasuk takaful/insurans) untuk menerima Komoditi tersebut.

Bank akan menyimpan sijil identifikasi dan pemilikan Komoditi sebagai amanah untuk manfaat Pelanggan sebelum penjualan selanjutnya kepada pembeli pihak ketiga termasuk Bursa Suq Al-Sila’ oleh Bank yang bertindak sebagai wakil Pelanggan mengikut Pelantikan Wakil.

Sekiranya diminta secara bertulis, Pelanggan berhak memeriksa dan/atau mendapatkan salinan fotokopi sijil identifikasi dan pemilikan Komoditi tersebut.

Jika Pelanggan berhasrat untuk menjual Komoditi tersebut di pasaran kepada pihak ketiga untuk tunai dan secara segera (on spot basis), Pelanggan boleh melantik Bank sebagai wakilnya untuk melaksanakan transaksi tersebut bagi pihak Pelanggan menurut Pelantikan Wakil.

Kontrak Jualan Murabahah boleh ditamatkan oleh Bank atau Pelanggan disebabkan oleh pelanggaran terma khusus atau menurut kepada dan atas terma-terma yang dipersetujui di antara Bank dan Pelanggan di mana, Komoditi akan dipulangkan kepada Bank dan Harga Jualan Bank (ditolak rebat) akan dipulangkan kepada Pelanggan. Sekiranya Komoditi telah dijual kepada pembeli Komoditi, amaun yang bersamaan dengan nilai Komoditi akan dipulangkan kepada Bank.

v) Format yang ditentukan oleh Bank

Permohonan Belian dan Akujanji Pembelian, Kontrak Jualan Murabahah dan Pelantikan Wakil hendaklah disempurnakan dalam format yang ditentukan oleh Bank.

vi) Yuran Dagangan

Yuran Dagangan berkaitan dengan pembelian dan penjualan Komoditi untuk Kemudahan ini akan ditanggung oleh Bank (melainkan jika Bank menyatakan sebaliknya). Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i adalah sebahagian daripada Perjanjian Am ini dan Fasiliti ini

adalah tertakluk kepada terma dan syarat kedua-dua dokumen tersebut.

3. BAYARAN BULANAN BAGI HARGA JUALAN BANK

- i) Bayaran Bulanan hendaklah dibayar oleh Pelanggan mengikut bilangan ansuran bulanan yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan.
- ii) Setiap ansuran selanjutnya hendaklah dibayar pada tarikh yang dipersetujui pada setiap bulan kalendar berturut-turut sehingga seluruh Harga Jualan Bank dan semua wang lain yang telah dijanjikan akan dibayar oleh Pelanggan di bawah Perjanjian Am ini, yang seterusnya dirujuk sebagai “hutang”, telah dibayar sepenuhnya dan diselesaikan.
- iii) Semua bayaran hendaklah dibuat kepada Bank dengan sepenuhnya tanpa menolak selesai dan sebarang penolakan lain untuk cukai atau sebarang penahanan.
- iv) Jika undang-undang memerlukan potongan daripada sebarang bayaran, Pelanggan hendaklah menambahkan bayarannya untuk memastikan bahawa amaun bersih yang diterima oleh Bank adalah bersamaan dengan amaun yang patut diterima oleh Bank, seandainya potongan ini tidak dilakukan.
- v) Apa-apa bayaran yang diterima dari Pelanggan akan diaplikasikan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- vi) Bayaran Bulanan dan tempoh ansuran Fasiliti tidak boleh diubah oleh Pelanggan tanpa kebenaran pihak Bank.
- vii) Pelanggan berakujanji untuk membuat pengaturan yang memuaskan bagi pembayaran Fasiliti ini menurut Perjanjian Am ini walaupun berada di luar Malaysia untuk sebarang tempoh masa.
- viii) Sekiranya Bank dan Pelanggan bersetuju bahawa Bayaran Bulanan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 Perjanjian Am ini akan dibuat secara potongan gaji melalui Badan Potongan Gaji, Pelanggan bersetuju untuk membuat Bayaran Bulanan bermula pada hari dan bulan yang ditetapkan oleh Bank selepas pengeluaran Fasiliti di mana bulan-bulan sebelum Bayaran Bulanan ditetapkan bermula akan dianggap sebagai “Tempoh Tanggahan”.
- ix) Pelanggan bersetuju dan memahami bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak mempunyai

kuasa ke atas potongan gaji yang dilakukan melalui Badan Potongan Gaji dan Pelanggan akan merujuk sebarang pertanyaan dan masalah berkaitan potongan gaji tersebut secara terus dengan Badan Potongan Gaji. Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Pelanggan mestilah membuat Bayaran Bulanan terus kepada Bank: -

- a. Sehingga potongan gaji melalui Badan Potongan Gaji berkuatkuasa; dan/atau
- b. Sekiranya potongan gaji tersebut tidak dikirimkan kepada atau tidak diterima oleh pihak Bank atas apa-apa alasan sekalipun.

x) Bagi Pelanggan Biro Perkhidmatan Angkasa ("BPA"), Bayaran Bulanan akan dikenakan yuran bulanan BPA sebanyak 2% yang dikira dari Bayaran Bulanan.

xi) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Bank akan mengenakan keuntungan bagi Tempoh Tangguhan ke atas Fasiliti. Jumlah keuntungan tersebut akan diselaraskan ke dalam Bayaran Bulanan mengikut tempoh pembiayaan.

4. SYARAT TERDAHULU PEMBAYARAN AMAUN FASILITI

- i) Dokumen sokongan yang diperlukan oleh Bank dan/atau Badan Potongan Gaji telah disempurnakan termasuklah dokumen Pelantikan AmBank Islamic Berhad sebagai Wakil Belian dan Jualan.
- ii) Pelanggan telah mematuhi semua terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Am ini.
- iii) Melainkan ditetapkan sebaliknya oleh Bank, pelanggan adalah bebas mengambil perlindungan takaful untuk jumlah tidak kurang daripada Amaun Fasiliti dengan mana-mana syarikat takaful atau yang dilantik oleh pihak Bank di mana pihak Bank adalah benefisiari sepanjang tempoh Fasiliti.
- iv) Apa-apa syarat terdahulu yang dianggap perlu oleh Bank dari semasa ke semasa.
- v) Penyempurnaan transaksi-transaksi Murabahah Tawarruq seperti mana yang diperincikan di dalam Klausula 2.

5. PEMBAYARAN AMAUN FASILITI

Setelah memenuhi semua terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Am ini, pembayaran Amaun Fasiliti selepas ditolak apa-apa jua perbelanjaan

yang berkaitan akan dibuat terus oleh Bank ke dalam akaun Pelanggan.

6. CAJ LEWAT BAYAR

- i) Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada Pelanggan caj lewat bayar bagi kegagalan Pelanggan untuk membuat:
 - a. Bayaran Bulanan tertunggak dan/atau jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh Pelanggan kepada Bank; dan/atau
 - b. pembayaran selepas tarikh matang atau pembatalan Fasiliti,

Pada kadar yang dinyatakan seperti di bawah:

Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1) Sebelum tarikh matang	1% setahun dikira atas dasar baki harian.	<ol style="list-style-type: none"> i. Bayaran Bulanan tertunggak, akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh Bayaran Bulanan tertunggak dan/atau; ii. Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.
2) Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian.	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.
3) Apabila Bank telah mendapat	Pada Kadar IIMM setahun yang	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman, caj

penghakiman terhadap Pelanggan	dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.	lewat bayar eperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.
--------------------------------	--	--

Nota:

1. Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
 2. Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak.
 3. Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
 4. Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi.
 5. Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.
- ii) Hak untuk untuk Tolak-selesai: Pihak Bank berhak menolak selesai baki belum jelas dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit di dalam mana-mana akaun anda bersama kami. Walau bagaimanapun, tolak-selesai harus dimaklumkan kepada Pelanggan tujuh (7) hari sebelum tolak-selesai tersebut.
- iii) Bank mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda. Tindakan undang-undang yang dikenakan akan mempengaruhi penarafan kredit anda dan menyebabkan permohonan kredit pada masa hadapan lebih sukar atau lebih tinggi kosnya.

7. IBRA' (REBAT)

Bank akan memberi *ibra'* (rebat), sekiranya ada, ke atas baki Harga Jualan Bank yang masih belum dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan situasi berikut:

- i) Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan dikira berdasarkan kadar efektif adalah lebih rendah daripada kadar siling.
- ii) Berdasarkan kepada penyelesaian penuh baki Harga Jualan Bank oleh Pelanggan dalam situasi berikut:
 - a. Penebusan atau prabayaran Fasiliti.
 - b. Disebabkan penstrukturan semula Fasiliti.
 - c. Keingkaran Pelanggan.

- d. Dalam situasi penamatan atau pembatalan Fasiliti sebelum tarikh matang.

Ibra' (rebat) akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia: -

$Ibra' \text{ (rebat)} = \text{keuntungan tertunda} - \text{caj penyelesaian awal}$

8. PENYELESAIAN AWAL

Tertakluk kepada pemberian satu (1) bulan notis bertulis kepada Bank, Pelanggan boleh membuat penyelesaian awal Jumlah Keberhutangan yang belum dijelaskan, sepenuhnya atau sebahagian, yang mana notis tersebut tidak boleh dibatalkan dan Pelanggan hendaklah membuat penyelesaian awal pada tarikh yang ditetapkan di dalam notis.

9. KEJADIAN INKAR

Bank berhak menamatkan Fasiliti pada bila-bila masa dan menuntut bayaran penuh bagi semua Jumlah Keberhutangan secara terus daripada Pelanggan sekiranya salah satu daripada kejadian berikut berlaku:-

- i) Pelanggan gagal membuat mana-mana Bayaran Bulanan apabila tiba tarikh patut bayar atau menjadi bankrap atau tidak mampu untuk membayar atau penghakiman telah diperolehi terhadap Pelanggan oleh pihak ketiga;
- ii) Penerima atau pemegang amanah dilantik untuk mengambil alih pemilikan harta benda Pelanggan atau apa-apa pelaksanaan kebangkrapan telah diambil terhadap harta benda Pelanggan;
- iii) Terjadi keingkaran pada mana-mana perjanjian yang melibatkan pinjaman wang, pembiayaan atau pendahuluan kredit kepada Pelanggan oleh mana-mana pemiutang lain yang memberikan hak kepada pemiutang berkenaan (termasuk Bank) untuk menarik balik Fasiliti atau mempercepatkan bayaran atau menarik balik pendahuluan kredit;
- iv) Keingkaran terhadap mana-mana terma dan syarat di dalam Perjanjian Am ini;
- v) Pelanggan meninggal dunia, diisytiharkan bankrap atau menjadi tidak siuman;
- vi) Pelanggan bersara, berhenti atau tamat perkhidmatan dengan majikan sekarang atau potongan gaji bulanan pembiayaan terhenti atau terjejas;



- vii) Mana-mana dokumen sekuriti dan/atau dokumen sokongan tidak boleh disempurnakan atau menjadi tidak sah atas apa-apa alasan sekalipun;
- viii) Perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menyebabkan satu kesalahan kepada Bank untuk terus menyediakan Fasilitas ini kepada Pelanggan;
- ix) Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang pada pendapat Bank memudaratkan kemampuan Pelanggan untuk melaksanakan sebarang kewajipan yang terkandung di sini dan/atau mana-mana sekuriti dan/atau dokumen sokongan;
- x) Sekiranya pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan terbatal, tertarik balik ataupun ditarik balik oleh Pelanggan dalam/akibat apa jua keadaan sekalipun; atau
- xi) Sekiranya pihak Bank telah terhalang daripada memproses apa-apa maklumat atau data yang telah diberikan kepadanya oleh Pelanggan.
- xii) Tanpa mengambil kira perkara di atas, Bank berhak menamatkan Fasilitas menurut budi bicara pada bila-bila masa termasuk sebelum penggunaan Fasilitas jika difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada Pelanggan, walaupun pada keadaan biasa, hak ini dijangka tidak akan dilaksanakan.
- iv) Bank Negara Malaysia/pihak berkuasa tertentu lain yang bertindak di bawah kuasa-kuasa yang diberi di bawah mana-mana undang-undang terpakai;
- v) syarikat takaful, perunding takaful, broker, pelaras kerugian menurut mana-mana sijil takaful yang diperoleh oleh pihak Bank atau menurut apa-apa tuntutan yang akan dibuat oleh Bank di bawah sijil takaful sedemikian berhubung dengan Fasilitas;
- vi) tujuan apa-apa tindakan/prosiding undang-undang yang difailkan terhadap Bank oleh mana-mana pihak ketiga yang berkaitan dengan Fasilitas;
- vii) polis/pihak berkuasa penyiasat yang lain, bagi tujuan penyiasatan mereka berkenaan dengan apa-apa jenayah (termasuk apa-apa aktiviti penggubahan wang haram dan aktiviti pembiayaan keganasan) sama ada oleh Pelanggan atau sebaliknya;
- viii) polis/pihak berkuasa penyiasat yang lain bagi tujuan membuat laporan berkenaan oleh pihak Bank dan penyiasatan padanya, jika pihak Bank berpendapat bahawa suatu jenayah telah dilakukan polis/pihak berkuasa penyiasat lain boleh membantu Bank untuk menghalang/mendapatkan balik kerugian yang ditanggung oleh Bank/untuk mencegah jenayah;

10. PENDEDAHAN MAKLUMAT

Pelanggan memberi kebenaran penuh kepada pihak Bank untuk mendedahkan, mengikut budi bicara pihak Bank, semua atau apa-apa maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan Fasilitas dan Pelanggan kepada/untuk: -

- i) waris terdekat bagi Pelanggan yang sudah meninggal dunia/peguam yang mewakili waris terdekat yang berniat untuk memohon perintah mahkamah berhubung dengan Fasilitas;
- ii) pentadbir/wasi/benefisiari bagi Pelanggan yang sudah meninggal dunia yang telah memohon perintah mahkamah berhubung dengan Pelanggan yang sudah meninggal dunia dan kepada Peguam yang mewakili mereka;
- iii) peguam yang mewakili mana-mana pihak yang telah memperoleh perintah mahkamah berhubung dengan Fasilitas, sama ada perintah mahkamah memberi kebenaran secara khusus atau tidak untuk membuat pendedahan maklumat dan dokumen Fasilitas;
- ix) badan berkanun, agensi dan jabatan kerajaan dalam melaksanakan fungsi dan tugas mereka;
 - a. vendor Bank untuk tujuan pemerolehan apa-apa produk dan perkhidmatan oleh Bank (jika dikehendaki begitu);
 - b. mana-mana pembekal perkhidmatan luar/pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh Bank;
- x) mana-mana pihak yang pada masa hadapan mungkin menyatakan hasrat untuk mendapatkan apa-apa kepentingan/pegangan saham dalam Bank/menurut mana-mana pengaturan, komposisi, penggabungan, pemerolehan/penyusunan semula yang dicadangkan antara Bank dan pihak-pihak sedemikian;
- xi) juruaudit luar, peguam luar, ejen kutipan hutang, perunding luar dan penasihat profesional luar bank dan kepada mana-mana orang atau syarikat yang menyediakan kepada Bank mana-mana perkhidmatan dan kepakaran yang berkaitan dengan perundangan, perakaunan, pengauditan, kredit, pentadbiran, pemprosesan, pengurusan data atau

khidmat nasihat lain dan Kumpulan AmBank, seperti yang mungkin dikehendaki dalam pelaksanaan fungsi, tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna kepada Bank dan Kumpulan AmBank;

- xii) syarikat-syarikat yang mungkin pada masa hadapan menjadi syarikat subsidiari, syarikat berkaitan atau syarikat bersekutu Bank;
- xiii) mana-mana pihak ketiga, seperti yang tersirat atau yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang terpakai;
- xiv) mana-mana pihak ketiga yang difikirkan sesuai oleh Pihak Bank dengan mengambil kira kepentingan awam, pengatahan penipuan/pemalsuan/apa-apa jenayah yang dikatakan dilakukan melalui Fasiliti oleh Pelanggan.
- xv) Badan Potongan Gaji bagi urusan pemotongan gaji.

Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa sekiranya apa-apa prosiding undang-undang dimulakan oleh Bank terhadap Pelanggan berdasarkan Fasiliti, sama ada untuk mendapatkan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar kepada Bank atau sebaliknya, Pelanggan bersetuju, membenarkan dan mengizinkan Bank untuk mendedahkan butiran, maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan dan kertas guaman yang berkaitan dengan prosiding undang-undang tersebut kepada mana-mana agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2009.

11. KLAUSA PRIVASI

- i) Pelanggan mengesahkan bahawa dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang terdapat di www.ambankgroup.com) dan klausa di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemrosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelak keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut adalah dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Klausa Privasi di dalam Perjanjian Am ini.
- ii) Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan keluarga terdekat dan tanggungan mereka untuk tujuan pembukaan atau menjalankan Fasiliti dengan pihak Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan pihak Bank, Pelanggan perlu:
 - a. mengesahkan bahawa telah memperolehi kebenaran atau sebaliknya berhak untuk

memberikan maklumat kepada pihak Bank dan untuk kegunaan pihak Bank selaras dengan Perjanjian Am ini;

- b. bersetuju dan memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
 - c. bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
 - d. bersetuju terhadap hak pihak Bank untuk menamatkan Fasiliti sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- iii) Pihak Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pelanggan melalui pelbagai saluran, termasuklah telefon, e-mel, pesanan elektronik/bergerak, faksimili atau pos, menggunakan maklumat perhubungan yang telah diberikan oleh Pelanggan.
 - iv) Arahan bertulis yang terkini daripada Pelanggan akan terpakai.
 - v) Pihak Bank mungkin menggunakan agensi laporan kredit dalam membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila pihak Bank perlu:
 - a. Menyemak butiran bagi permohonan Fasiliti, pembiayaan dan berkaitan pembiayaan lain yang diberikan kepada Pelanggan;
 - b. mengurus dan menyemak Fasiliti; dan/atau
 - c. menuntut bayaran tertunggak.
 - vi) Pelanggan akan dipautkan dengan agensi laporan kredit kepada nama lain yang digunakan Pelanggan atau mungkin telah digunakan, dan mana-mana pemohon secara bersama dan berasingan. Pihak Bank mungkin juga akan berkongsi maklumat mengenai Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan Fasiliti dengan agensi laporan kredit yang berkaitan.
 - vii) Walaupun Pelanggan telah memberikan maklumat kepada pihak Bank, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dahulu. Dalam keadaan sedemikian, pihak Bank berhak untuk tidak memberikan atau menghentikan peruntukan Fasiliti yang dipautkan dengan maklumat yang material.
 - viii) Pihak Bank berhak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis

sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

- ix) Seksyen ini adalah tanpa prejudis kepada klausa 10 di dalam Perjanjian Am ini bagi Pendedahan Maklumat.

12. CAJ GUAMAN DAN KOS-KOS LAIN

- i) Semua caj dan perbelanjaan sampingan berkaitan dengan penyediaan dan penyempurnaan pembiayaan perlu dibayar oleh Pelanggan walaupun Pelanggan gagal menyempurnakan apa-apa dokumen pembiayaan dan/atau menggunakan Fasiliti ini.
- ii) Pelanggan perlu membayar perbelanjaan berkaitan dengan Fasiliti ini termasuk fi peguamcara Bank sekiranya perlu untuk menuntut apa-apa amaun yang tertunggak atau perlu dibayar oleh Pelanggan melalui mana-mana proses undang-undang. Apa-apa caj yang akan dikenakan dibawah Perjanjian Am ini adalah tertakluk kepada garis panduan-garis panduan BNM.

13. PENEPIAN SYARAT-SYARAT TERDAHULU

Dengan ini diakui dan dimaklumkan bahawa apa-apa syarat terdahulu yang terkandung di dalam Perjanjian Am ini untuk manfaat Bank boleh diketepikan sama ada sepenuhnya atau sebahagian oleh Bank tanpa menjejaskan haknya dan penepian tersebut tidak menjejaskan hak Bank untuk memastikan bahawa Pelanggan mematuhi mana-mana syarat terdahulu yang diketepikan pada masa akan datang.

14. PEMBAHAGIAN

Bank berhak membahagikan apa-apa bayaran yang diterima daripada Pelanggan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian untuk bayaran Amaun Fasiliti, keuntungan atau jumlah lain yang belum dibayar dan perlu dibayar mengikut turutan yang dianggap wajar oleh Bank.

15. KEBERASINGAN

Pada bila-bila masa sepanjang tempoh Fasiliti, sebarang peruntukan yang terkandung di dalam Perjanjian Am ini menjadi tidak sah, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang atau menurut mana-mana penentuan yang dibuat atau diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, tidak akan membatalkan dengan apa cara sekalipun peruntukan lain yang terdapat di dalam Perjanjian Am ini.

16. PENGECUALIAN

Dengan tidak menyentuh mana-mana peruntukan, kegagalan atau kelewatan bagi pihak Bank dalam melaksanakan mana-mana hak, kuasa atau remedies di bawah terma-terma Perjanjian ini tidak akan dianggap sebagai pengecualian dan tidak akan menjejaskan mana-mana hak, kuasa atau remedi tersebut.

17. MASA

Masa, apabila dinyatakan, menjadi intipati dalam semua transaksi di bawah Fasiliti ini.

18. TIADA PENOLAKAN, PENYELESAIAN OLEH PELANGGAN

Semua bayaran yang dilakukan oleh Pelanggan adalah tanpa sebarang penolakan, penyelesaian atau tuntutan balas.

19. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Pelanggan dengan ini mengisytiharkan kepada pihak Bank bahawa tiada di kalangan ibu, bapa, suami atau isteri dan anak-anak Pelanggan merupakan kakitangan pihak Bank. Pelanggan dengan ini beraku janji bahawa Pelanggan akan mengisytiharkan secara bertulis kepada pihak Bank sekiranya ibu, bapa, suami atau isteri dan anak-anak Pelanggan menjadi kakitangan pihak Bank pada masa akan datang.

20. VARIASI PADA TERMA

Bank boleh, tertakluk kepada Prinsip Syariah meminda atau mengubah mana-mana peruntukan Perjanjian Am ini dengan pemberitahuan bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan atau melalui mana-mana cara yang difikirkan sesuai oleh Bank. Sekiranya selepas dua puluh satu (21) hari kalendar, pemberitahuan notis bertulis berkenaan dengan pindaan dan penggubalan mana-mana peruntukan Perjanjian Am dikeluarkan oleh Pihak Bank dan Pelanggan masih mengekalkan Fasiliti ini, Pelanggan akan dianggap menerima pindaan dan penggubalan tersebut.

21. AKAUN TERGANTUNG

Wang yang diterima di bawah akaun ini akan disimpan di dalam akaun tergantung tanpa sebarang pendapatan selama mana yang dianggap wajar oleh Bank. Bank juga tidak bertanggungjawab untuk menggunakan wang tersebut untuk membayar apa-apa wang atau liabiliti yang terhutang oleh Pelanggan.

22. WARIS TERIKAT

Perjanjian Am ini adalah terikat ke atas Pelanggan, warisnya, wakil diri dan pengganti (sekiranya terpakai)

dan hendaklah dikuatkuasakan oleh dan untuk kepentingan Bank dan penggantinya.

23. NOTIS

- i) Sebarang tuntutan atau notis kepada Pelanggan di bawah Perjanjian Am ini hendaklah secara bertulis dan boleh ditandatangani oleh pengurus besar, pengurus, atau pegawai Bank yang diberi kuasa atau mana-mana peguamcara atau firma guaman yang bertindak untuk Bank.
- ii) Tuntutan atau notis (termasuklah tetapi tidak terhad kepada writ saman dan tuntutan perundangan) boleh dihantar kepada Pelanggan melalui pos biasa atau dihantar secara penghantaran peribadi ke alamat Pelanggan yang dinyatakan di dalam permohonannya atau tempat perniagaan, pekerjaan atau kediaman Pelanggan yang biasa atau terakhir diketahui.
- iii) Sebarang tuntutan atau notis tersebut jika dihantar melalui pos hendaklah dianggap telah diterima oleh Pelanggan lima (5) hari selepas diposkan dan penghantaran melalui penghantaran peribadi dianggap diterima apabila masa penghantaran, walaupun tuntutan atau notis tersebut dipulangkan semula kerana tidak dihantar atau tidak dituntut.
- iv) Sebarang notis yang perlu diberikan di bawah Perjanjian Am ini kepada Bank hendaklah secara bertulis dan mesti ditandatangani oleh Pelanggan. Notis tersebut boleh dihantar kepada Bank melalui pos berdaftar atau dihantar secara penghantaran peribadi kepada Bank di alamat yang dinyatakan di sini atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan dan akan hanya dianggap telah dihantar kepada Bank pada tarikh penerimaan sebenar oleh Bank.
- v) Sebarang surat tuntutan, notis, pernyataan, peringatan atau sijil (selepas ini pada umumnya dirujuk sebagai “**Dokumen Tersebut**”) yang diberikan oleh Bank tidak memerlukan tandatangan mana-mana pegawai Bank di mana ia telah dinyatakan di dalam Dokumen Tersebut bahawa ia adalah dijana oleh komputer dan tidak memerlukan sebarang tandatangan.

24. KESAN KEINGKARAN

Tanpa mengambil kira terma-terma pembayaran di atas, sekiranya terdapat sebarang keingkaran terhadap mana-mana akaun, perjanjian dan/atau fasiliti bersama Bank atau mana-mana pihak yang pada hemat Bank, mampu menjejaskan kemampuan Pelanggan untuk

memenuhi tanggungjawab Pelanggan terhadap Fasiliti ini, Bank berhak untuk menuntut pembayaran penuh terhadap mana-mana jumlah wang yang masih terhutang kepada Bank dan/atau melaksanakan apa-apa langkah yang terkandung di sini dengan sewajarnya.

25. PERCANTUMAN DAN PENGGABUNGAN AKAUN

Bank dengan ini berhak untuk menggabungkan atau mencantumkan mana-mana akaun dan/atau Fasiliti di mana-mana sahaja berserta segala liabiliti, tanggungjawab dan sekuriti Pelanggan terhadap Bank dan menggunakan kesemuanya, termasuk sebarang wang di dalam simpanan Bank atau melalui skim potongan gaji Badan Potongan Gaji untuk menyelesaikan sebarang keberhutangan (“**Keberhutangan**”) dan tanggungjawab Pelanggan terhadap Bank.

26. HAK UNTUK TOLAK SELESAI

Pelanggan bersetuju jika Pelanggan ingkar dalam pembayaran mana-mana Keberhutangan yang perlu dibayar kepada pihak Bank dan/atau Kumpulan AmBank di bawah apa-apa fasiliti yang diberikan oleh pihak Bank dan/atau Kumpulan AmBank, pihak Bank berhak untuk membekukan sejumlah amaun dari baki yang ada di dalam mana-mana akaun peribadi pelanggan dengan Bank yang bersamaan dengan jumlah keseluruhan bayaran Keberhutangan dengan memberi sekurang-kurangnya dua puluh satu hari (21) hari kalendar notis kepada Pelanggan untuk melangsaikan bayaran ingkar Keberhutangan.

Jika Pelanggan gagal melangsaikan bayaran Keberhutangan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar tersebut, pihak Bank berhak untuk menolak selesai sepenuhnya mana-mana bahagian baki yang ada di dalam akaun tersebut dengan jumlah penuh bayaran ingkar Keberhutangan.

27. TAKRIF

Tajuk-tajuk yang digunakan di sini hanya untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh digunapakai dalam menterjemahkan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian Am ini.

28. SYARAT-SYARAT LAIN

- i) Pelanggan mengesahkan bahawa beliau tidak bergantung kepada apa-apa perkara yang berkaitan atau wakil pihak Bank yang bermaksud untuk menasihati, membuat representasi atau berjanji dan yang mana ianya tidak dinyatakan secara nyata di dalam Perjanjian Am ini. Meskipun terdapat apa-apa nasihat yang diberikan, Pelanggan bersetuju bahawa nasihat tersebut tidak akan mengikat pihak Bank

atau menjadi hujah pembelaan atau menyokong sebarang tuntutan Pelanggan di dalam mana-mana tindakan perundangan.

- ii) Pihak Bank boleh menggunakan mana-mana hak, kuasa dan/atau remedi yang ada, sama ada yang dinyatakan di sini atau yang diberikan kepada pihak Bank oleh undang-undang walaupun selepas penangguhan. Semua hak dan kuasa pihak Bank di bawah undang-undang atau ekuiti boleh digunakan meskipun hak dan kuasa tersebut bertindih dengan hak dan kuasa yang diberikan di bawah Perjanjian Am ini. Sekiranya pihak Bank tidak membuat apa-apa tindakan bila mana pihak Bank berhak untuk berbuat demikian, ini tidak bermaksud bahawa pihak Bank:
 - a. telah bersetuju terhadap keingkaran Pelanggan; atau
 - b. telah melepaskan; atau
 - c. ditegah daripada mengambil apa-apa tindakan kemudian.
- iii) Bila mana pihak Bank secara nyatanya telah mengetepikan keingkaran Pelanggan, ini tidak akan mencatitkan hak, kuasa dan remedi pihak Bank bagi sebarang keingkaran lain yang dilakukan oleh Pelanggan sama ada yang berlaku sebelum atau selepas penepian tersebut.

29. AKTA CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN 2018

Melainkan diperuntukan sebaliknya di dalam Perjanjian Am ini, pihak-pihak bersetuju bahawa apa-apa yuran atau caj dan wang lain yang kena dibayar di bawah Perjanjian Am ini adalah termasuk Cukai sebagaimana yang terpakai di bawah peruntukan undang-undang.

30. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

30.1 Pelanggan mengakui dan menjamin bahawa:

- (a) melainkan jika dan sehingga Pelanggan memaklumkan kepada Bank sebaliknya secara bertulis:
 - i. pelanggan adalah prinsipal untuk Fasiliti ini;
 - ii. selain daripada Pelanggan, tiada siapa yang mempunyai atau akan mempunyai apa-apa kepentingan dalam Fasiliti ini
 - iii. ke semua wang yang akan dibayar kepada Bank, akan datang daripada sumber kegiatan yang sah dan bukannya aktiviti yang menyalahi undang-undang, seperti yang

ditakrifkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram, 2001 (“**AMLATFA**”).

- (b) apabila dimaklumkan bahawa Pelanggan adalah perantara bagi orang lain:
 - i. Bank boleh meminta, dan Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk memberikan pengesahan identiti benefisiari dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Bank, termasuk namun tidak terhad kepada salinan yang diperakui sah bagi apa-apa kebenaran untuk bertindak atau dokumen yang boleh diminta bagi tujuan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan, yang mana salinannya boleh disimpan oleh pihak Bank;
 - ii. Pelanggan selanjutnya mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa pemeriksaan “know-your-customer” yang diperlukan telah dijalankan termasuk namun tidak terhad kepada identiti, kewujudan, alamat dan jenis perniagaan benefisiari, ia disahkan oleh Pelanggan bahawa wang atau dana adalah daripada sumber aktiviti yang sah dan bukannya aktiviti haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA; dan
 - iii. selanjutnya dengan ini dipersetujui dengan jelas dan difahami bahawa peruntukan butir-butir benefisiari Pelanggan tidak akan menjadikan benefisiari sebagai pelanggan Bank dan Bank berhak untuk menganggap Pelanggan sebagai prinsipal.

30.2 Sebagai tambahan kepada Klausula 30.1 (a) dan (b) di sini, Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui tanpa syarat bahawa:

- (a) Pelanggan akan mendedahkan dan memberikan kepada Bank apa-apa maklumat yang diperlukan atau dianggap perlu dan pada kepuasan pihak Bank dengan kadar segera menurut tempoh yang ditentukan oleh Bank, sama ada atau tidak untuk tujuan mematuhi undang-undang, perintah, peraturan, arahan dan garis panduan BNM dan atau yang diberikan, dibuat atau diwujudkan oleh pihak Bank;
- (b) Sementara Bank menunggu penerimaan maklumat daripada Pelanggan dan sehingga diterima dan disahkan di mana Bank dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan berpuas hati, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk

meneruskan apa-apa transaksi atau pembayaran atau menerima apa-apa wang atau dana;

- (c) Pelanggan tidak akan menggunakan Fasilitas untuk perubahan wang haram atau melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan perubahan wang haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA; dan
- (d) Bank atau syarikat-syarikat dalam Kumpulan AmBank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian langsung atau tidak langsung, yang berbangkit atau apa jua kerugian sekalipun walau bagaimanapun yang terjadi atau disebabkan Bank melaksanakan tugasnya

di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa, khususnya namun tidak terhad kepada tugas berkanunnya di bawah AMLATFA.

31. UNDANG-UNDANG

Perjanjian Am ini akan dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah undang-undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan tertakluk kepada dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak adalah dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah di Malaysia.

32. HAK UNTUK MENYERAH

Bank berhak tanpa sebarang sekatan apa pun untuk memindah/menyerah hak kepada mana-mana orang lain hak, manfaat dan kepentingan Bank di bawah Perjanjian Am ini.

PERINGATAN: Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Am sebelum menandatangani Perjanjian Am ini. Jika Pelanggan tidak memahami mana-mana terma-terma dan syarat-syarat terkandung di dalam Perjanjian Am ini, Pelanggan dinasihati untuk membincang dengan wakil Bank yang diberikuasa sebelum menandatangani Perjanjian Am ini.

Ditandatangani oleh:

Disaksikan oleh:

Nama :
No. K/P :

Nama :
No. K/P :